sentinel





95

SENTUL

MBS

SENTINEL

ORA ET LABORA

TUISYEN!!?

MANA LAGI?



Di

TUTORIAL INSTITUTE

(Ditubuhkan sejak 1976)

5 KENYATAAN YANG TIDAK BOLEH DINAFIKAN

1. KAMI ADALAH SALAH SATU PUSAT BIMBANGAN YANG TERBESAR DI LEMBAH KLANG.
2. GURU-GURU KAMI ADALAH TERPILIH DAN BERPENGALAMAN
3. PROGRAM TUISYEN KAMI DILAKSANAKAN SETIAP BULAN
4. NOTA YANG BEGITU BANYAK MENAMBAT HATI PELAJAR
5. SUASANA KELAS TERANG, CANTIK DAN MENARIK DI MANA INSTITUT LAIN MEMUJIKAN KAMI

TUISYEN
PMR, SPM, STPM
TINGKATAN 1,2 DAN 4

PERTUBUHAN-PERTUBUHAN KAMI:-


KUALA LUMPUR	PETALING JAYA	KLANG	KAPAR
Tingkat 3, Bangunan Chiew See Fan 5, Jalan Yap Ah Loy, 50050 K.L Tel: 2303540/1/2	Tingkat 2, Bangunan MTUC, 19, Jalan Barat, 46200 P.J. Tel: 7556261	2A, Lorong Gudang Nanas, Off Jalan Pasar, 41400 Klang. Tel: 3410686/9	2A, Jalan Raja Mokhtar 2 42200 Kapar, Tel: 3509619/20
• Berdekatan Bangkok Bank/ Central Market • Di atas tekstil Hon Ming	• Bertentangan P.J. Hilton • Di atas THRIFTY Supermarket	• Berdekatan Ayamas • Di belakang PASAR JAWA	• Bertentangan Balai Polis • Bersebelahan People's Clinic

Anda Akan Berjaya Tanpa DADAH

INTISARI THE SENTINEL 1994/95

		Muka Surat
1.	Setitis Tinta Ketua Editor	1
2.	Sidang Redaksi 'The Sentinel' 1994/95 (Gambar)	2
3.	Kata Alu-Aluan	
	* *Pengarah Pendidikan Wilayah Persekutuan*	4
	* *Setiausaha Pelajaran Sekolah-Sekolah Methodist Malaysia*	5
	* *Pengerusi Lembaga Pengelola Sekolah*	6
	* *Pengerusi PIBG*	7
	* *Pengetua*	8
	* *Seulas Pinang Ketua Pelajar*	9
4.	Lagu Sekolah	10
5.	Falsafah Sek. Men. (L) Methodist, Sentul	11
6.	Kakitangan Akademik 1994/95 (Gambar)	12
7.	Senarai Nama Kakitangan Akademik 1994/95	14
8.	Ketua Jabatan (Gambar)	16
9.	Kakitangan Bukan Akademik (Gambar)	16
10.	Takwim Sekolah 1994/95	17
11.	Analisa Keputusan Peperiksaan SRP/SPM 1993/94	19
12.	Laporan Sukan Tahunan dan Merentas Desa	24 – 29
13.	Laporan Kelab dan Persatuan	36 – 79
14.	Sudut Karya	
	* *Bahasa Melayu*	80 – 91
	* *Bahasa Inggeris*	92 – 99
15.	Lest We Be Forgotten	101 – 111
16.	Album Kenangan	112
17.	Autograf	

DARI LIDAH KETUA EDITOR



Syabas! Syabas saya ucapkan kepada Sidang Redaksi Majalah The Sentinel kerana berjaya menerbitkan 'The Sentinel' sekali lagi pada tahun ini.

Kami, pihak penerbit seperti tahun-tahun yang lalu telah bertungkus-lumus mengembleng tenaga untuk memuatkan segala peristiwa yang sempat kami rakamkan ke dalam 'The Sentinel'. Adalah menjadi harapan Sidang Redaksi untuk menjadikan 'The Sentinel' sebagai suatu memori indah, buat rakan-rakan, terutamanya kepada rakan-rakan Tingkatan 5 yang bakal meninggalkan sekolah tidak lama lagi.

Kami juga berharap agar 'The Sentinel' dapat berfungsi sebagai suatu 'medium' yang mampu memaparkan karya dan hasil kreativiti serta kejayaan-kejayaan yang dicapai oleh pelajar M.B.S. Namun, jumlah karya yang kami terima seakat ini masih di tahap yang kurang memuaskan. Diharap pelajar-pelajar dapat menyumbangkan lebih banyak karya untuk dimuatkan dalam 'The Sentinel' pada tahun-tahun yang akan datang.

Sememangnya tidak boleh dinafikan bahawa pelajar-pelajar M.B.S. pada tahun ini banyak memperolehi kejayaan dalam kurikulum dan ko-kurikulum. Didapati pencapaian disiplin pelajar juga semakin meningkat. Tahniah guru-guru dan para pelajar. Pencapaian ini seharusnya menjadi kebanggaan semua pihak. Semoga Tuhan memberkati rahmatNya ke atas kita untuk terus berjaya.

Selaku ketua, saya mewakili Sidang Redaksi menyampaikan jutaan terima kasih kepada Tuan Pengetua, En. A. Atputharaja dan guru-guru atas sokongan mereka. Ucapan terima kasih juga ditujukan khas kepada Pn. Khalidah, guru penasihat kami atas nasihat dan tunjuk ajar yang diberikan. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk meluahkan perasaan gembira dan bersyukur kerana mendapat kerjasama daripada anggota Sidang Redaksi sepanjang menjalankan tugas ini bersama mereka. Moga-moga kenangan manis sentiasa bersama-sama kita.

Sekian, terima kasih.

"ORA ET LABORA"

LIM KOK LEONG
KETUA EDITOR 'THE SENTINEL' 1995.

SIDANG REDAKSI MAJALAH

THE SENTINEL '95

Penaung	:	En. A. Atputharaja (Pengetua)
		Pn. Norsiah bt. Mohd Yusof (Penolong Kanan HEM)
Penyelaras	:	Pn. Khalidah Adibah bt. Badrun

Guru Penasihat:

Bahasa Inggeris	:	Pn. Yen Kim Yew
Bahasa Melayu	:	Pn. Eshah bt. Mat
Bahasa Cina	:	Pn. Ong Tarn Choon
Pengikalanan	:	Pn. Arina bt. Hussain

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Ketua Editor	:	Lim Kok Leong
Pen. Ketua Editor	:	Leong Wai Yin
Sidang Editor	:	Heng Zee Loong
		Goo Chee Heng
		Mohd. Ilyas
		Soo Kuo Wei
Artis	:	Mohd Shahrin
		Leong Wooi Hong
		Lim Chee Hong
		Chin Yoon Wei
Jurugambar	:	Tan Kiang Meng

Kami, ahli-ahli jawatankuasa sidang redaksi majalah 'The Sentinel '95', ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pihak-pihak yang terlibat dalam menjayakan 'The Sentinel '95'. Terutamanya kepada En. A. Atputharaja selaku pengetua sekolah; Pn. Norsiah, Penolong Kanan HEM; Pn. Khalidah, Pn. Yen, Pn. Eshah, Pn. Ong dan Pn. Arina yang bertanggungjawab mengelola majalah ini.

SIDANG REDAKSI 1995



(Dari kiri ke kanan)

Barisan pertama: Lim Chee Hong, Lim Kok Leong, Pn. Arina, Pn. Norsiah, En. A. Atputharaja, Pn. Khalidah, Pn. Eshah, Leong Wai Yin, Heng Zee Loong.

Barisan kedua: Goo Chee Heng, Soo Kuo Wei, Mohamad Shahrin, Mohd. Ilyas, Kiang Ming, Chin Yoon Wei, Leong Wooi Hoong.



KATA ALU-ALUAN PENGARAH PENDIDIKAN

Saya bersyukur ke hadrat Allah swt kerana dengan izinNya saya berkesempatan mengisi ruangan kata alu-aluan majalah ini. Suatu amanah yang mesti dipikul oleh guru-guru dan pelajar-pelajar adalah menjadikan sekolah sebagai pusat kecemerlangan pendidikan. Bagi merealisasikan hasrat ini, setiap orang harus meletakkan dirinya sentiasa berada di hadapan dalam melaksanakan tugas-tugas yang diamanahkan tanpa sebarang kecacatan.

Aspek utama yang harus diberikan penekanan ialah pengajaran dan pembelajaran yang berlangsung sama ada secara formal atau tidak formal. Ini perlu disokong oleh suasana sekolah yang kondusif bagi memudahkan pemindahan dan penerimaan ilmu terlaksana dengan baik. Bagi melaksanakannya, muafakat dan iltizam di kalangan guru dan pelajar amat dituntut.

Akhirnya saya mendoakan kesejahteraan dan kecemerlangan untuk semua.

Sekian, Wasaslamualaikum wbt.

(HAJI MOHD. ZIN B. ISHAK, AMN, BCK, PJK)
Pengarah Pendidikan
Wilayah Persekutuan

MESSAGE FOR THE "SENTINEL"



I am indeed grateful to Mr. A. Atputharaja, the principal of Sekolah Menengah Laki-Laki Methodist Sentul for inviting me to contribute a message for the annual school magazine, the "Sentinel".

Malaysia is a country which is richly blessed with many good things. We should all feel thankful to God for peace, prosperity, progress and a leadership that is forward-looking and has the welfare of the people in mind. To guide the continuing progress of the country, our Prime Minister, YAB Datuk Seri Dr. Mahathir Mohammad announced Vision 2020 which encompasses specific goals to be achieved. These goals aimed at giving the people in Malaysia a peaceful prosperous, progressive, God-fearing and caring and fair society. They are certainly goals worth striving for by every loyal Malaysian.

Malaysia is enjoying good economic progress and is well on the way to become a developed industrial country.

However, for us to sustain the growth and progress and achieve the goals of Vision 2020, education has a very vital role to play.

Through education we must explain to our students the goals set for them to achieve. They must be prepared for their roles in working towards successfully achieving these goals.

Meanwhile in pursuing the secular goals we must not lose sight of the spiritual dimension which is just as essential if we are to create well-balanced, holistically educated Malaysians.

Therefore while we have the official curriculum to guide as in teaching our students within the four walls of the classroom, we should find scope to teach the added dimensions to equip our students to face the challenges of progress.

I sincerely believe that through education we can yet see Malaysia becoming a developed country with a good sense of proportion standing among the leading countries of the world.

Sekolah Menengah Laki-Laki Methodist Sentul can certainly play an important role in contributing towards this success. Since its inception in 1936, you have produced generations of outstanding citizens who have contributed and are still contributing to the progress of this country.

So with God's blessings and guidance may you continue your noble work in educating Malaysia's future citizens who will build a nation of which we all can be proud of.

God Bless

YONG CHEE SENG
Executive Secretary
050795



KATA ALU-ALUAN
PENGERUSI LEMBAGA PENGELOLA SEKOLAH

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak sekolah kerana sudi memberi peluang kepada saya untuk menyampaikan sepatah dua kata dalam Sentinel 95.

Ucapan terima kasih saya ditujukan kepada pengetua dan guru-guru sekolah ini kerana pencapaian yang baik dalam peperiksaan PMR dan SPM tahun 1994. Peningkatan dalam peratus kelulusan dalam kedua-dua peperiksaan menunjukkan usaha gigih guru-guru sekolah ini. Besar harapan saya bahawa peningkatan ini akan berlanjutan pada tahun ini dari segi bilangan peratus mahupun kualiti.

Pelajar MBS juga telah menunjukkan kebolehan dalam bidang sukan di mana mereka telah memenangi beberapa permainan di peringkat wilayah. Tahniah atas kejayaan yang telah dicapai.

Kepada pelajar-pelajar yang akan meninggalkan sekolah pada tahun ini, harap sentiasa diingati bahawa tanggungjawab yang dipikul oleh anda adalah berat. Kejayaan seseorang tidak semestinya berdasarkan pencapaian akademik yang baik sahaja, menjadi rakyat yang berdisiplin, jujur dan berhemah tinggi adalah matlamat yang lebih penting. Selamat berusaha ke arah kemajuan negara dalam apa cara jua.

Sekian, terima kasih.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KE ARAH WAWASAN 2020.

K. PANDIAN
Pengerusi
Lembaga Pengelola Sek. M. (L) Methodist
Sentul, Kuala Lumpur.



KATA-KATA ALUAN PENGERUSI PIBG

Assalamualaikum WRT,

Syukur kehadrat ALLAH SWT dengan limpahnya kita semua telah diberi nikmat yang sungguh besar kerana kita dalam keadaan sihat sejahtera dalam kemakmuran aman damai. Lebih dari itu juga, kita amat bersyukur kerana dikurniakan pemikiran yang waras. Oleh itu dengan nikmat yang diberikan itu, gunakanlah dengan sebaik-baiknya selagi kita masih boleh bernafas.

Masa kini amat mencabar dan penuh dengan isu-isu penyakit masyarakat seperti penagihan dadah, lepak, bohsia, bohjan, lari dari rumah, ponteng sekolah dan bermacam-macam lagi. Justeru itu semua pihak yang berwajib terutama ibu bapa harus menggunakan minda dengan bijaksana tanpa mengambil sikap yang negatif bagi menangani permasalahan ini, sebelum menjadi lebih parah lagi.


Selaku jawatankuasa P.I.B.G. hendaklah berkerja lebih keras lagi dari semasa ke semasa mencari jalan keluar dari semua perkara yang tidak baik.

Saya ucapkan syabas kepada Tuan Pengetua serta guru-guru dan murid-murid sekolah ini. Sekian.

Terima kasih.

Saya yang benar,

HJ MOKHTAR B HAJI MD NUR
Pengerusi PIBG
S.M. (L) Methodist,
Sentul, K.L.



KATA-KATA ALUAN TUAN PENGETUA

Terlebih dahulu ingin saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Sidang Pengarang Majalah 'SENTINEL' terbitan tahunan Sekolah Menengah Laki-Laki Methodist Sentul kerana memberi penghormatan kepada saya untuk merakamkan sepatah dua kata dalam keluaran tahun ini.

Syabas dan tahniah diucapkan kepada guru-guru dan para pelajar sekolah ini di atas pencapaian yang menggalakkan di dalam peperiksaan PMR dan SPM yang lalu. Usaha yang gigih dan bersungguh-sungguh itu telah menaikkan nama sekolah yang merupakan satu lagi anak tangga kejayaan.

Tidak dapat dinafikan kejayaan yang cemerlang tidak dapat dicapai tanpa kerjasama dari semua pihak. Oleh itu saya menyeru semua guru, ibu bapa dan pelajar-pelajar sekalian berganding bahu di samping berusaha dengan lebih giat lagi untuk mencapai kejayaan yang lebih membanggakan.


Pendidikan merupakan teras yang boleh mencapai kemajuan dalam bidang ekonomi dan sosial. Oleh itu adalah harapan saya supaya para pelajar sentiasa mengambil berat tentang pelajaran di samping bergiat cergas dalam bidang ko-kurikulum.

Saya juga ingin menyeru semua pihak terutama para ibu bapa agar sama-sama berganding bahu dalam membenteras budaya lepak dan gejala ponteng sekolah. Anak-anak memerlukan kasih sayang dan perhatian. Mereka merupakan bakal-bakal pemimpin pada masa hadapan dan kita merupakan tunggak corak kepimpinan mereka. Oleh itu didiklah mereka agar menjadi warganegara yang berilmu, berbudi dan berbudaya penyayang.

Sekian, terima kasih.

A. ATPUTHARAJA
Pengetua
SM (L) Methodist Sentul
Jalan Sentul, Kuala Lumupr.

SEULAS PINANG KETUA PELAJAR



Sebagai pembuka kata, ingin saya merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Badan Redaksi Majalah "Sentinel 95" atas kesempatan yang diberikan kepada saya untuk mencoretkan sepatah dua kata di dalam majalah tahunan yang penuh bermakna ini.

Setelah enam tahun berada di bangku sekolah MBS Sentul, saya rasakan perhubungan ini bagaikan isi dengan kuku. Sememangnya, adalah amat pahit dan berat bagi saya mengucapkan "Selamat Tinggal" meskipun kini sudah sampai ke penghujung pengajian. Menyingkap kembali episod-episod yang telah berlalu, mengimbaskan saya kepada detik-detik pahit manis yang dilalui bersama guru-guru serta rakan-rakan yang sentiasa sedia membantu.

Sejejaknya langkah pertama saya di sekolah ini, pelbagai perubahan dan pencapaian telah dialami. Para pelajar telah berusaha untuk mencapai kejayaan di samping mengharumkan nama sekolah. Hakikatnya, pencapaian yang memberangsangkan telah dicapai baik dalam bidang kurikulum mahupun ko-kurikulum.

Dalam aspek disiplin pelajar pula, saya berasa amat bersyukur terhadap peningkatan disiplin sekolah yang lebih maju dan kukuh. Peningkatan ini merupakan suatu kebanggaan yang harus disanjung serta membuktikan bahawa Lembaga Pengawas merupakan sebuah jentera sekolah yang berkesan dalam membasmi masalah-masalah disiplin. Wajarlah saya mengucapkan syabas dan terima kasih kepada setiap pengawas atas sumbangan serta tugas yang dijalankan dengan penuh semangat dan berdedikasi.

Selaku Ketua Pengawas di sekolah ini, pelbagai cabaran serta rintangan telah saya alami bersama para pengawas. Namun berjayanya juga saya menempuh segala rintangan dengan adanya pendirian yang tegas dan gigih.

Sebelum mengakhiri lembaran ini, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Encik Mohd Arif dan Encik Fadzil, guru penasihat Lembaga Pengawas atas sokongan dan tunjuk ajar yang telah dicurahkan kepada saya dan para pengawas. Begitu juga kepada Tuan Pengetua, En. A. Atputharaja; Penolong Kanan I, Puan Raj; Penolong Kanan H.E.M, Puan Norsiah serta guru-guru yang menaruh kepercayaan kepada saya.

Akhir kata, pesanan saya kepada para pelajar di sekolah ini agar sentiasa mengamalkan falsafah sekolah serta meningkatkan disiplin sekolah supaya nama baik sekolah kesayangan kita terus sanjung tinggi.

Sekian, terima kasih.

Sampai di sini seloka kenangan,
Lambaian terakhir lambaian 'Sayonara',
Wahai penghuni MBS sekalian,
Teruskan tradisi terhormat kita,
"ORA ET LABORA".

HENG ZEE LOONG
(KETUA PENGAWAS 94/95)

Lagu Sekolah.



FALSAFAH SEKOLAH MENENGAH (L) METHODIST, SENTUL, K. LUMPUR.

Pendidikan di sekolah ini adalah suatu usaha yang berterusan ke arah melahirkan generasi yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan nilai-nilai murni dalam Falsafah Pendidikan Negara.

Matlamat ini akan tercapai berdasarkan keyakinan bahawa PELAJAR BOLEH DIDIDIK BERKAT USAHA DAN DOA.

KAKITANGAN AKADEMIK S.M (L) METHODIST, SENTUL, 1995



(Dari kiri ke kanan)
Barisan pertama: En. A. Veelurjan, En. Yam Fook Poh, Pn. Teoh Kwan Swee, Pn. Amarjit Kaur, Pn. Rohani, En. S. Selvaraj, En. Chan Chee Man (Pen. Penyelia Petang), Pn. Norsiah (PK HEM), En. A. Atputharaja (Pnegetua), Pn. Pasupathy (PK 1), En. K. Selvaraja (Penyelia Petang), Pn. Yee Kok Seong, Pn. Low Yew Lim, Cik Goh Kai Lian, Pn. Eshah, Pn. Lau Chong Kong, En. Andrew James, En. Mohd. Arif.
Barisan kedua: Pn. Salwani, Pn. Hjh. Nur Azlina, Pn. Jamaliuh, Pn. Yen Kim Yew, Pn. Mardziah Yasok, Cik Lourdu Mary Raj, Pn. Asiah Hj. Hassan, Pn. Ong Tarn Choon, Cik Loh Chye Keang, Pn. Janet Ratnam, Pn. Rahmah, Pn. Nurbaini, Pn. Azizah, Pn. Choo Lik Pin, Pn. Kamatchi.
Barisan ketiga: Pn. Ruzita, Pn. Hasnah, Pn. Jauriah, Pn. Norkhidah, Pn. Pui Kim Lee, Cik Nurhayati Salleh, Pn. Khalidah Adibah, Pn. Fadiyah, Pn. Rohana, Pn. Serina Jaafar, Cik Norma, Cik Noraizah, Pn. Salwana, Cik Khoo Kim Suan.
Barisan keempat: En. Mashar, En. Abdul Rahman, En. Fadzil, Cik Norhaida Mohd. Yusof, Pn. Suzaini Abd. Majid, Cik Fairuz, Pn. Wong Siew Hum, Pn. Noor Aniza Mohd. Noor, Pn. Nooraini, En. Choo Chee Seng, En. Lim Ther Peng, En. Mustaffa Mohd. Othman.
Barisan kelima: En. Lim Tong Eng, En. Nelson, En. Jamal Asri, En. Mohd. Shariel, En. Kamaruzaman, En. Ching Yow Fei, En. Su Too Fong.

AHLI JAWATANKUASA PENGELOLA



(Dari kiri ke kanan)

En. Chung Chee Kin, En. P. Venugopal, Tuan Hj. Mohd. Ariff bin Osman (GSM), En. A. Atputharaja (Pengetua), En. K. Pandian, Dr. Ron Tan Kee Kwong, Rev. Lawrance Francis, En. Tan Geok Soon.

SEKOLAH MENENGAH LAKI-LAKI METHODIST
SENTUL, KUALA LUMPUR
SENARAI GURU-GURU TAHUN 1994/95 (SESI PAGI)

1.	En. A. Atputharaja	DG2	B.A. (Hons), Dip. Ed.
2.	Pn. Pasupathy a/p Murugiah	DG3	B.A. (Hons), Dip. Ed. Adv Dip. Ed. M.A.
3.	Pn. Norsiah bt. Mohd. Yusuf	DG3	B.A. (Hons), Dip. Ed.
4.	Pn. Norkhidah bt. Abdullah	DG3	B.Sc. with Ed.(Hons)
5.	Cik Norhadijah bt. Hashim	DG 3	B.Sc. with Ed.(Hons)
6.	En. Lim Ther Peng	DG3	B.Sc. (Hons), Dip. Ed.
7.	Pn. Arina bt. Hussain	DG3	B.Sc. (Hons), Dip. Ed.
8.	Pn. Amarjit Kaur a/p Dalip Singh	DG3	B.A. (Hons), Dip. Ed.
9.	Pn. Rohani bt. Ibrahim	DG3	B.A. (Hons), Dip. Ed.
10.	Pn. Teoh Kwan Swee/Tan Ooi Kim	DG3	B.Sc. Dip. Ed.
11.	Pn. Zarrin bt. Abdullah	DG3	B.Sc. with Ed. (Hons)
12.	Pn. Yen Kim Yew	DG3	B.A. (Hons), Dip. Ed.
13.	Pn. Jauriah bt. Mat	DG3	B.A. (Hons), Dip. Ed.
14.	Pn.Jamaliah bt. Hj. Yahya Zikri	DG3	B.A. (Hons), Dip. Ed.
15.	Pn. Yee Kok Seong	DG3	B.Ec. (Hons), Dip. Ed.
16.	Pn. Rokiah bt. Bakut	DG3	B.Sc. (Hons), Dip. Ed.
17.	Pn.Nur Azlina bt. Abd. Aziz	DG3	B.A. Dip. Ed.
18.	Pn. Ruzita bt. Othman	DG3	B.Sc. (Hons), Dip. Ed.
19.	Pn.Lai Seow Lin	DG3	B.A. (Hons), Dip. Ed.
20.	Pn.Pui Kim Lee	DG3	B.A. (Hons), Dip. Ed.
21.	Cik Goh Kai Lian	DG3	B.A. (Hons), Dip. Ed.
22.	Pn. Low Yew Lim/Ng Beng	DG3	B.Sc. (Hons), Dip. Ed.
23.	Pn. Lau Chong Kong/Chong Boo Boy	DG3	B.Sc. (Hons), Dip. Ed.
24.	En. Yam Fook Poh	DG3	B.A. with Ed. (Hons)
25.	Pn. Salwani bt. Jusoh	DG3	B.A. (Hons) Dip. Ed.
26.	En. Mohd Arif b. Mohd Ali	DG3	B.A. (Hons) Dip. Ed.
27.	En. Mohd Fadzil b. Mohd. Jaafar	DG3	B.Sc. (Hons), Dip. Ed.
28.	Pn. Noor Aniza bt. Mohd Noor	DG3	B.A. (Hons), Dip. Ed.
29.	En. Veelurajan A.	DG3	B.A. (Hons), MPSK
30.	En. Zabidi b. Ahmad	DG3	B.Sc. (Hons), Dip. Ed.
31.	Pn. Eshah bt. Othman	DG3	B.A. (Hons), Dip. Ed.
32.	En. Lim Tong Eng	DG3	B.A. (Hons), C.T. (KL)
33.	Pn. Serina bt. Jaafar	DG3	B. Sc. (Hons), Dip. Ed.
34.	Pn. Khalidah Adibah bt. Badrun	DG3	B. Sc. (Hons), Dip. Ed.
35.	Pn. Mardziah Yasok	DG3	B. A. (Hons), Dip. Ed.
36.	Pn. Rohana bt. Mohd Said	DG3	B. A. (EC) Dip. Ed.
37.	Cik Sherah Paramespari Taman	DG3	B.Soc.Sc (Hons), Dip. Ed.
38.	Cik Lourdu Mary Raj	DG6	Sc. RTC
39.	En. Su Too Fong	DG6	MTC
40.	Pn. Oliza bt. Omar	DG6	IPSI
41.	En. Zainuddin b. Amran	DG6	STP, MTC (dinaikkan pangkat dan bertukar mulai 16/4/95)
42.	En. Rama Rao	DG6	STP, MTC
43.	En. Cheang King Ting	DG6	Sc, TTTC (bersara pada 1/2/95)
44.	En. Mohd Shariel b. Abd. Samat	DG6	MCE, CT
45.	En. Shaari b. Idris	DG6	STPM, MPKB
46.	En. Saiful Munir b. Mansor	DG6	(melanjutkan pelajaran pada 25/6/95)
47.	Pn. Asiah bt. Hj. Hassan	DA1	

SEKOLAH MENENGAH LAKI-LAKI METHODIST
SENTUL, KUALA LUMPUR
SENARAI GURU-GURU TAHUN 1994/95 (SESI PETANG)

1.	En. K. Selvaraja	DG3	RTC, B.A. TESL
2.	En. Chan Chee Man	DG6	DSC, RTC
3.	Pn. Suzaini bt. Abdullah	DG3	B.A. (Hons), Dip. Ed.
4.	Pn. Nurbaini bt. Zainal Abidin	DG3	B.A. (Hons), Dip. Ed.
5.	Ustazah Hasnah bt. Musa	DG3	B.A. (Hons), Dip. Ed.
6.	Pn. Wong Siew Hium	DG3	B.Sc. Dip. Ed.
7.	Pn. Ong Tarn Choon/Khoo Liang Pin	DG3	B.A. (Hons), Dip. Ed.
8.	Pn. Salwana bt. Abd. Razak	DG3	B.A. (Hons), Dip. Ed.
9.	En. Muzaini b. Kamis	DG3	ISM, Dip. Ed. (melanjutkan pelajaran pada 1/7/95)
10.	En. Douglas Ratnapala	DG6	Sc, MCE, RTC
11.	En. Wan Abd. Manan b. Wan Abd	DG6	SPM
12.	Pn. Azizah bt. Abdullah	DG6	SPM
13.	Pn. Choo Lik Pin/Wong Chiou Lee	DG6	MCE, MPIK
14.	Pn. Nooraini bt. Abd. Hamid	DG6	Dip. Sc. with Ed.
15.	Pn. Kamatchi a/p Veerapathran	DG6	STPM (MPRM)
16.	En. Abdul Rahman b. Abdullah	DG6	Sc. MPT, MCE
17.	Pn. Halimah bt. Majid	DG6	MCE
18.	En. Mustaffa b. Mohd. Khatib	DG6	STPM
19.	En. Mashar b. Hamdan	DG6	MCE, CT
20.	En. Kwok Yan Chee	DG6	OSC, RTC (bersara pada 14/12/95)
21.	Pn. Rahmah bt. Othman	DG6	MCE
22.	En. Sukiman b. Sukimin	DG6	SPM
23.	En. Andrew James T.	DG6	Sc. TTTC
24.	En. S. Selvaraj	DG6	Sc. MCE MPT
25.	En. Ahmad Kamal b. Ismail	DG6	STP, CT
26.	En. Mohd. Nor b. Shafie	DG6	SPVM, CT
27.	En. Choo Chee Seng	DG6	STP, MTC
28.	Cik Norma bt. Hat	DA1	B.A. (Hons)
29.	Cik Noraizah bt Shaharuddin	DA1	B. Edu.
30.	Cik Loh Chye Keang	DA1	B.A. Ed (Hons)
31.	Cik Nani bt Che Saat	DB1	STPM
32.	Cik Siti Wan Kamala W. Ismail	DB1	STPM
33.	Cik Fairus bt. Mohamad	DB2	SPM
34.	Cik Khoo Kim Suan	DB2	SPM
35.	En. Ibrahim a/l Abdul Nazir	DB2	SPM
36.	En. Ching Yow Fei	DB2	SPM
37.	En. Kamaruzaman B. Mohd Yusof	DB2	SPM
38.	En. Jamal Asri b. Othman	B8	Diploma
39.	Cik Nurhayati bt. Salleh	B8	Diploma

KETUA JABATAN



Dari kiri ke kanan:
Barisan pertama: Pn. Pasupathy, En. A. Atputharaja, En. K. Selvaraja, Pn. Norsiah Mohd. Yusuf
Barisan kedua: Pn. Yee Kok Seong, Pn. Low Yew Lim, Cik Goh Kai Lian, Pn. Rohani

KAKITANGAN BUKAN AKADEMIK



Dari kiri ke kanan: Puan Ee Hock Chun, En. Atputharaja (Pengetua), Pn. P. Raj (Pen. Kanan I), Puan Bilbinder.
Berdiri dari kiri ke kanan: En. Subramaniam, Pn. Norliah, Pn. Malizala, Puan Rosalind, En. Dollah.
Tiada dalam gambar: En. Chandran, En. Onn b. Abdul Rahman.

kalendar sekolah



2 Feb ...

- penyemakan buku rampaian
- pendaftaran untuk sijil perdagangan malaysia
- bengkel kemahiran belajar
- peperiksaan semester pertama



3 Mac ...

- cuti semester pertama
- projek geografi pmr bermula

4 Apr ...

- merentas desa
- pertandingan 'choral' antara kelas
- pertandingan bola sepak antara zon
- olahraga mssWp

12 Dis ...

- pendaftaran para pelajar
- mesyuarat - mesyuarat sekolah
- pendaftaran untuk pmr
- pemeriksaan kesihatan
- perjumpaan kelab dan persatuan
- projek sejarah pmr bermula
- latihan kebakaran

1 Jan ...

- projek kemahiran hidup pmr bermula
- pendaftaran untuk spm
- AGM kelab guru
- ujian bulanan
- sukan tahunan
- mesyuarat agung koperasi
- cuti pertengahan semester pertama

8 OGOS ...

- UJIAN LISAN BAHASA INGGERIS (SPM)
- AMALI SAINS SPM (PERCUBAAN)
- UJIAN BULANAN
- CUTI PERTENGAHAN SEMESTER KEDUA
- PEPERIKSAAN SIJIL PERDAGANGAN MALAYSIA
- PEPERIKSAAN PMR (PERCUBAAN)

9 SEPT ...

- PROGRAM ULANGAN INTENSIF PMR
- PEPERIKSAAN SPM (PERCUBAAN)
- PENYERAHAN LAPORAN KELAB DAN PERSATUAN
- PEPERIKSAAN PMR

10 OKT ...

- PROGRAM ULANGAN INTENSIF SPM
- UJIAN LISAN PMR
- PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN
- AMALI SAINS SPM
- EDARAN MAJALAH SEKOLAH
- PEPERIKSAAN SPM

11 NOV ...

- CUTI AKHIR TAHUN

5 MEI ...

- PEPERIKSAAN PERTENGAHAN TAHUN
- HARI GURU
- CUTI PERTENGAHAN TAHUN


6 JUN ...

- UJIAN TILAWAH DAN HAFAZAN PMR BERMULA
- LATIHAN KEBAKARAN
- MINGGU SAINS
- MINGGU BIMBINGAN DAN PENDIDIKAN PENCEGAHAN DADAH



7 JUL ...

- PENYERAHAN KAD KEMAJUAN KEPADA IBU BAPA
- UJIAN LISAN BAHASA MELAYU (SPM)
- MINGGU PENDIDIKAN MORAL
- HARI UCAPAN DAN MESYUARAT AGUNG PIBG



CALON-CALON CEMERLANG PMR 1994

Bil.	Nama Calon	Mata Pelajaran											
		B.M.	B.I.	Mat Moden	Seja-rah	Geog.	Sains	KHB 1	KHB 2	KHB 3	P. Islam	B. Cina	B. Tamil
1.	Ahmad Nasrol	A	A	A	A	A	A	A	–	–	B	–	–
2.	Ang Eng Sim	A	A	A	A	A	A	A	–	–	–	–	–
3.	Brian Tan Kian How	A	A	A	A	A	A	A	–	–	–	–	–
4.	Kwan Pek Loy	A	A	A	A	A	A	A	–	–	–	–	–
5.	Mohd. Ilyas	A	C	A	A	A	A	A	–	–	A	–	–
6.	Nicholas	A	A	A	A	A	A	A	–	–	–	–	–
7.	Ramhuzaini	A	B	A	A	A	A	A	–	–	A	–	–
8.	Tan Yen Ee	A	A	A	A	A	A	A	–	–	–	–	–
9	Tham Weng Yew	A	A	A	A	B	A	A	–	–	–	A	–
10.	Wong Chee Keong	A	A	A	A	A	A	A	–	–	–	–	–
11.	Wong Chee Keong	A	A	A	A	A	A	A	–	–	–	–	–
12.	Yap Kok Wai	A	A	A	A	A	A	A	–	–	–	–	–
13.	Yu Chung Weng	A	A	A	A	A	A	A	–	–	–	–	–

CALON-CALON CEMERLANG SPM 1994

Bil.	Nama Calon	Keputusan	
			Agregat
1.	Ong Chen Guan	8A	08
2.	Lim Tji Seng	6A	08
3.	Lim Kein Seng	8A	09
4.	Yu Teik Beng	7A	09
5.	Lee Chee Keng	7A	11
6.	Kwan Pek Soon	6A	11
7.	Low Teck Keong	6A	11
8.	Pua Ewe Leong	4A	11
9.	Yap Mun Soon	6A	13
10.	Chew Ooi Teck	6A	13

ANALISIS KEPUTUSAN PEPERIKSAAN PMR 1994

Kod	Mata Pelajaran	Jumlah Calon	PANGKAT										
			A	%	B	%	C	%	D	%	E	%	Jumlah % ABCD
02	Bahasa Melayu	389	33	8.5	142	36.5	110	28.3	56	14.4	48	12.3	87.7
12	Bahasa Inggeris	387	49	12.7	55	14.2	87	22.5	79	20.4	117	30.2	69.8
21	Sejarah	393	46	11.7	62	15.7	79	20.1	119	30.2	88	22.3	77.7
23	Geografi	395	38	9.6	46	11.6	66	16.7	133	33.7	112	28.4	71.6
31	Bahasa Arab	–	–	–	–	–	–	–	–	–	–	–	–
32	Bahasa Cina	36	3	8.3	1	2.8	7	19.4	5	13.9	20	55.6	44.4
33	Bahasa Tamil	24	–	+	1	4.2	11	45.8	–	–	12	50	50
37	Bahasa Iban	–	–	–	–	–	–	–	–	–	–	–	–
45	Pendidikan Islam	158	14	8.9	36	22.8	50	31.6	33	20.9	25	15.8	84.2
50	Matematik	389	57	14.7	53	13.6	75	19.3	149	38.3	55	14.1	85.9
55	Sains	389	45	11.6	54	13.9	98	25.2	149	38.3	43	11	89
76	Kemahiran Hidup Bersepadu	392	39	9.9	56	14.3	90	23	115	29.3	92	23.5	76.5

	Jumlah
Yang dinaikkan ke Tingkatan 4	303
Peratus	76.13%
Calon	398

ANALISIS KEPUTUSAN PEPERIKSAAN SPM 1994


Bil.	Matapelajaran	Bil. Calon	LULUS								Bil. Lulus (1-8)	Gagal 9	Bil. Tidak Hadir	Peratus Lulus
			1	2	3	4	5	6	7	8				
1	Bahasa Melayu	276	–	3	18	28	38	34	74	40	235	39	2	85.77
2	Sejarah	276	6	7	7	9	17	18	32	43	139	135	2	50.73
3	Bahasa Inggeris	276	20	12	20	27	30	22	43	31	205	68	3	75.09
4	Matematik	276	25	16	14	10	13	19	27	23	147	124	5	54.24
5	Pendidikan Islam	121	4	13	11	15	20	13	26	10	112	7	2	94.12
6	Pendidikan Moral	155	1	–	–	3	3	15	30	43	95	60	–	61.29
7	Sains	218	3	4	10	13	23	22	35	45	155	58	5	72.77
8	Kesusasteraan Melayu	47	–	–	–	–	–	1	1	3	5	40	2	11.11
9	Geografi	148	–	–	–	–	1	4	17	30	52	93	3	35.86
10	Pendidikan Seni	226	2	7	13	12	38	52	50	34	208	13	5	94.12
11	Matematik Tambahan	50	3	8	7	6	11	5	4	4	48	2	–	96.0
12	Perdagangan	182	2	–	1	1	7	3	36	48	98	81	3	54.75
13	Prinsip Akaun	106	9	8	5	6	3	7	8	9	55	51	–	51.89
14	Ekonomi Asas	49	1	1	3	5	5	6	13	7	42	7	–	91.38
15	Fizik	58	3	6	9	9	6	6	7	7	53	5	–	91.38
16	Kimia	57	3	5	7	7	10	9	8	4	53	4	–	92.98
17	Biologi	48	–	4	4	6	9	7	–	13	43	4	1	91.49
18	Bahasa Cina	12	3	–	2	1	2	–	3	1	12	–	–	100

Tahun	1991	1992	1993	1994
Pangkat I	30	15	15	44
Pangkat II	48	49	35	60
Pangkat III	61	49	36	56
Bilangan Lulus (I – III)	139	113	86	160
Bilangan Gagal	107	120	121	115
Bilangan Tidak Hadir	4	2	1	1
Peratus Lulus	56.5	48.92	41.5	58.18

Hari Merentas Desa.....



Woi, lari, cikgu nak bagi kerja.



Pendatang haram dari Afrika yang diberkas polis....



A: Ish...Lawanya hadian ini. Rasa macam nak beli satu la.

B: Apa, nak beli? Kebetulan, saya ni wakil penjual. Order la dekat saya.



Eh! Dah sekali dia dapat hadiah. Yang ii pun dia dapat juga. Apa acara yang dia masuk?



Tercapai juga impian aku nak masuk dalam majalah glamer ni.

LAPORAN MERENTAS DESA

Tarikh : 13 April 1995
Tempat : Sek. Men. (L) Methodist Sentul K.L.
Jarak : 7.0 km

A) **Pemenang-pemenang Kelas 1**

Pertama	:	Vickneswaran	(Hijau)	15.44 min
Kedua	:	Kathiravan	(Biru)	
Ketiga	:	Abdul Rahman	(Kuning)	

B) **Pemenang-pemenang Kelas 2**

Pertama	:	Saravanan	(Kuning)	16.23 min
Kedua	:	Chandran	(Kuning)	
Ketiga	:	K. Jesudasan	(Kuning)	

C) **Pemenang-pemenang Kelas 3**

Pertama	:	Vijayan	(Kuning)	19.49 min
Kedua	:	Tho Soon Leong	(Biru)	
Ketiga	:	Yewarajah	(Biru)	

D) **Johan Rumah mengikut kelas**


Kelas I	:	Kuning	(54 mata)
Kelas II	:	Kuning	(107 mata)
Kelas III	:	Biru	(79 mata)


E) **Johan Keseluruhan**

Pertama	:	Kuning	(220 mata)
Kedua	:	Biru	(159 mata)
Ketiga	:	Ungu	(84 mata)
Keempat	:	Hijau	(78 mata)
Kelima	:	Merah	(29 mata)

Temasya Sukan '95











TEMASYA SUKAN TAHUNAN KE 49

Tarikh : 18 Januari 1995
Tempat : Stadium Merdeka

Bil.	Acara	Kelas	Pemenang	Pencapaian	Rekod
1.	Lompat Jauh	1	1. Kaathigayan 2. Mohd Elyas 3. Mustaffa	5.3 m	5.97 m (1975)
2.	Lompat Jauh	2	1. Abd. Halim 2. Muzamil 3. Prithpal Singh	5.10 m	5.54 m (1993) Manithevan
3.	Lompat Jauh	3	1. Chong Kok Wah 2. Ramli 3. Md Azuan	4.728 m	Rekod baru
4.	Lompat Kijang	1.	1. Kaartigayan 2. Fazle 3. Abd. Kader	10.76 m	12.30 m (1968) Haja Mohideen
5.	Lompat Kijang	2	1. Teoh Check Jin 2. Jerry Soon 3. Prithpal Singh	10.68 m	11.58 m (1993) Kannan
6.	Lompat Kijang	3	1. Mohd Azuan 2. Kenny Tan 3. Nor Azrul	8.36 m	9.65 m (1993) Azril Hisham
7.	Lompat Tinggi	1	1. Fazle 2. Devendran 3. Yassin	1.55 m	1.62 m Manithevan
8.	Lompat Tinggi	2	1. Bala 2. Khor Meng Kit 3. Wong Leong Wai	1.43 m	1.62 m Manithevan
9.	Lompat Tinggi	3	1. Nor Azrul 2. Abdul Hafiz 3. Hasyim	1.40 m	– sama –
10.	Lontar Peluru	1	1. Chong Yu Soon 2. Lee Chun Keong 3. Cheong Yeun Wai	8.60 m	11.21 m (1966) Vijayaratnam

Bil.	Acara	Kelas	Pemenang	Pencapaian	Rekod
11.	Lontar Peluru	2	1. Mohd Eazzam 2. Danny Khoo 3. Khor Kok Siong	10.30 m	12.22 m (1987) Phang Seng Kee
12.	Lontar Peluru	3	1. Wang Siew Kan 2. Liew Choon Hong 3. Ng Cee Wai	10.47 m	Baru
13.	Lempar Cakera	1	1. Chong Yuen Wai 2. Law Cheng Yat 3. Leonard	26.98 m	29.42 m Thirtha Bahadur
14.	Lempar Cakera	2	1. Chan Wai Hong 2. Leong Tuck Wai 3. Danny	27.76 m	31.17 m Mohd Saffir
15.	Lempar Cakera	3	1. Hasyim 2. Mohd Azrin 3. Aszuan	26.76 m	Baru
16.	Rejam Lembing	1	1. Ahmad Fauzi 2. Lee Chun Keong 3. Subbarao	28.91 m	31.25 m (1993) Loganathan
17.	Rejam Lembing	2	1. Leong Tuck Wai 2. Chan Wai Hong 3. Edwin	27.20 m	31.20 m Thirtha Bahadur
18.	Tarik Tali	1	1. Ungu 2. Kuning		
19.	Tarik Tali	2	1. Biru 2. Hijau		
20.	Tarik Tali	3	1. Kuning 2. Hijau		
21.	3000 m Terbuka		1. S. Vikneswaran 2. Saravanan 3. Rageswaran	10.21 m	9.20.7 m N. Seelan
22.	100 m	1	1. Terence 2. G. Kaarthigayan 3. K. Ramesh	12.06 s	11.3 s Mohd Ibrahim

Bil.	Acara	Kelas	Pemenang	Pencapaian	Rekod
23.	100m	2	1. Halim 2. Karnan 3. Muzamil	12.17 s	12.0 s George Ho
24.	100 m	3	1. Chong Kok Wah 2. Romli 3. Zairul Hisham	13.03 s	12.5 s Tan Kim Chow
25.	200 m	1	1. Terence 2. Alexander Rayer 3. Chang Kok Wai	24.70 s	24.0 s (1980) Kunasegaran
26.	200 m	2	1. Divaharan 2. Karnan 3. Shashi	25.56 s	24.12 s (1992) Selvarajah
27.	200 m	3	1. Romli 2. Chong Kok Wah 3. Azrul Hisham	27.38 s	25.6 s (1987) Goh Cheng
28.	400 m	1	1. Terence 2. Balasubramaniam 3. Shaktee Kumar	58.36 s	53.32 s (1993) Vignesdaran
29.	400 m	2	1. Chandran 2. Jesudasan 3. Nanthakumar	57.70 s	57.72 s (1992) Sivakumar
30.	400 m	3	1. Yap Boon Chong 2. Azrul Hisham 3. Augustin	1:07:78 m	63.4s (1992) Poobalan
31.	800 m	1	1. S. Vikneswaran 2. Gopinath 3. Neyamani	2:14:83 m	2:04.76 min R. Vikneswaran
32.	800 m	2	1. Chandran 2. Saravanan 3. Devandran	2:18:06 m	2:12.44 m S. Vikneswaran
33.	800 m	3	1. Vijayan 2. Kenny Tan 3. Baharuddin	2:37:00 m	2:31.46 min (1993) Chandran

Bil.	Acara	Kelas	Pemenang	Pencapaian	Rekod
33.	4 x 100 m	1	1. Kuning 2. Hijau 3. Biru	50.91 s	48.6s (1984) Kuning
34.	4 x 100 m	2	1. Merah 2. Biru 3. Kuning	51.40 s	50.63 s (1992) Hijau
35.	4 x 100 m	3	1. Ungu 2. Hijau 3. Kuning	55.11 s	– Baru –
36.	4 x 400 m	1	1. Kuning 2. Hijau 3. Merah	4:07:09 min	3:48.41 m Kuning
37.	4 x 400 m	2	1. Kuning 2. Hijau 3. Ungu	4:00.37 min	– Baru –
38.	4 x 400 m	3	1. Merah 2. Ungu 3.	4:33.18 min Kuning	4:05.91 min Hijau – 1994
39.	Kawad		1. Hijau 2. Kuning 3. Merah 4. Biru 5. Ungu		
40.	1500 m	Terbuka	1. S. Vikneswaran 2. Neyamani 3. Saravanan 4. Leonard 5. Kathirayan	4:32:5 min	4:11:95 min M. Seelan (1994)

1.	Peserta Terbaik	Kelas 3	:	Chong Kok Wah	(Hijau)
		Kelas 2	:	Chandran	(Kuning)
		Kelas 1	:	S. Vikneswaran	(Hijau)
2.	Johan Rumah	Kelas 3	:	Ungu	(55 mata)
		Kelas 2	:	Biru	(67 mata)
		Kelas 1	:	Hijau	(71 mata)

3. Johan Keseluruhan Sukan Tahunan 1995: Rumah Kuning dan Hijau (170 mata) Johan Bersama.

Majlis berbuka puasa.....

mmm.....



Hancur le pinggan aku.

ZAM - ZAM
ALA - KAZAM




Dah 7 kali kita try resepi ni, tak menjadi-jadi jugak!

Kalau kali ini tak jadi juga, kita pecahkan aje pinggan ni!

Wahai tikar pandan terbang, hantarkan beta ke MBS Sentul.

Cerita 1 malam

Tokey, kira semua! Macam biasa, masuk dalam akaun 555.



Aku ingat nak bayar cash tadi.

Bilalah aku nak dapat hadiah ni, asyik bagi orang saja. Tension aku.







Kalau tak cukup air tu, sini ada lagi air satu botol.

Simpan je bang

Azhar! Kau tak mandi pagi kan. Kita siram dia dengan air suram ni satu baldi!



Budak ni memang takut mandi pagi!



Amin, bila ustaz ni habis baca doa ni? Dah dekat 1 jam, member depan aku pun sampai tertidur.

Entah!

Zzzzzz.....

Sambutan hari guru 1995....



Barisan Wanita UMNO

Mm.... mungkin ini adalah kali pertama bagi saya untuk memotong kek ni. ee...gembiranya saya.

Cepatlah sikit, saya nak makan ni....



he, he, hee....



Wah! Hadiah banyak ini \nak beri orang atau diberi oleh orang?





nyanyian bisu MBS Sentul




Alah, macam mana nak nyanyi ni? Suis pun tak dipasang.





Ha! Ha! Ha! Macam ini pun tak erti patah.

Yea..... tendangan padu maut!!





Cis, berani kau curi kekasih aku! Biar aku ajar kau.

Aduh! sakitnya buah pinggang aku.....

Hari Ucapan dan Penyampaian Hadiah.....



Setelah diperkenankan oleh Duli Yang maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong, dengan ini saya isytiharkan bahawa tarikh cuti sekolah ini ialah...

Hek aleh... kertas kosong rupanya.












Berhari-hari di jalan raya. Bukan apa, takut tak sempat nak hidup lama!



Tepuk amai-amai
belalang kupu-kupu
tepuk adik pandai
Jangan jadi hantu.





Rancangan forum perbincangan mesyuarat.

SEKITAR PERLAWANAN AKHIR BOLA SEPAK MSSWP PADA 6 MEI 1995 DI PADANG MAKTAB PERGURUAN TEKNIK CHERAS KUALA LUMPUR



Barisan pemain-pemain bawah 15 tahun MBS Sentul – Naib Johan MSSWP 1995.



Barisan pemain sekolah diperkenalkan kepada Tuan Pengetua MBS Sentul dan pegawai ko-kurikulum JPWP En. Adzmi Baba.




Menjulang Piala Pusingan MSSWP.



Barisan pemain berbaris untuk menerima hadiah.

LEMBAGA PENGAWAS



Penaung:
En. A. Atputharaja
(Tuan Pengetua)

Guru Penasihat:
En. Mohd. Arif bin Mohd. Ali
En. Mohd. Fadzil

Ketua Pengawas:
Heng Zee Loong

Pen. Ketua Pengawas:
Chua Kok Chong

Setiausaha:
Chin Yoon Wei

Bendahari:
Chin Kit Seong

Ketua Disiplin:
Tan Teik Jun

Quarter Master:
Partheban

AJK:
Partheban
Chin Kit Seong
Raymond Tan
Dang Tong Poh
Arman Hilmee

Lembaga Pengawas sesi 1994/95 dianggotai oleh 35 orang pengawas. Secara amnya, Lembaga Pengawas ditubuhkan untuk membantu pihak sekolah dalam segala hal dan yang penting sekali adalah, lembaga menjadi pihak perantaraan pelajar dan pihak sekolah di mana pengawas ditugaskan untuk menyampaikan segala maklumat mahupun menolong pihak sekolah mengekalkan tahap disiplin. Lembaga Pengawas sesi ini telah banyak menolong pihak sekolah. Antara aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan adalah seperti berikut:

1) Lembaga Pengawas telah membantu pihak sekolah melancarkan 'Hari Sukan Tahunan' pada bulan Januari di Stadium Merdeka dan juga 'Hari Merentas Desa' di sekolah pada bulan April.
2) Lembaga Pengawas telah menganjurkan 'Kursus Pengawas' pada 7 Januari 1995 bersamaan dengan hari Sabtu. Sepanjang kursus ini dijalankan, pengawas-pengawas diberi taklimat dan juga nasihat mengenai segala tugas seorang pengawas.
3) Pada 15 April 1995, Lembaga Pengawas telah mengadakan 'Hari Pengawas 1995' di dewan sekolah. 'Hari Pengawas' ini telah berjalan dengan lancar dan suasana bertambah meriah apabila sambutan yang diterima daripada pengawas-pengawas sekolah lain dan juga wakil-wakil persatuan sekolah sangat menggalakkan.
4) Lembaga Pengawas juga telah berganding bahu dengan Kelab Interact, Persatuan Bahasa Cina, Kumpulan Pengakap Sekolah dan juga Lembaga Pengawas Pusat Sumber untuk mengadakan 'Hari Jualan Lambak' di mana ini telah berlangsung selama 3 hari pada awal bulan April.
5) Tidak lupa juga membalas jasa guru-guru, Lembaga Pengawas telah membantu pihak sekolah mengadakan 'Hari Guru' pada 19 Mei 1995. Kami juga telah membuat kad-kad untuk diberikan kepada guru-guru pada hari itu.



6) Pada tahun ini, sekali lagi Lembaga Pengawas menganjurkan 'Sukan Pengawas' berpasangan dengan S.M. (P) Jalan Ipoh. 'Sukan Pengawas' ini telah berlangsung selama 5 hari iaitu dari 29 Mei – 5 Jun 1995 di mana terdapat sesetengah acara dijalankan di S.M. Methodist Sentul selama 2 hari dan yang lain dijalankan di S.M. (P) Jalan Ipoh selama 2 hari. Sukan Pengawas ini telah disertai oleh 16 buah sekolah di Wilayah Persekutuan. Dengan semangat kesukanan yang tinggi, kerjasama dan bakat yang sedia ada, kami telah berjaya menjuarai beberapa acara seperti pingpong (bergu lelaki, bergu perempuan atau bergu campuran), bola keranjang, bola sepak, catur, karom dan 'arm wrestling'. Dengan ini Lembaga Pengawas S.M. (L) Methodist Sentul yang berpasangan dengan Sek. Men. (P) Jalan Ipoh telah muncul sebagai juara keseluruhan bagi 'Sukan Pengawas 1995'. 'Sukan Pengawas 1995' ini diakhiri dengan upacara penutup yang telah diadakan pada 5 Mei 1995. Upacara penutup ini merangkumi program-program seperti penyampaian hadiah, persembahan, jamuan ringan dan permainan. Upacara ini telah berjalan dengan lancar dengan adanya pertolongan daripada S.M. (P) Jalan Ipoh. Keadaan upacara ini menjadi lebih meriah dengan adanya kehadiran Pn. Rohani pada hari itu. Lembaga Pengawas juga telah mendapat bantuan daripada ahli PBSM dari sekolah masing-masing. Secara keseluruhan, kemenangan ini sekaligus telah mencerminkan sikap bekerjasama dan bersatu-padu di kalangan pengawas-pengawas sendiri dan juga secara tidak langsung kejayaan ini membuktikan bahawa Lembaga Pengawas bukan sahaja dapat menjalankan tugas di sekolah malahan dapat menaikan imej sekolah. Lembaga Pengawas akan terus menjadi tuan rumah untuk menjayakan Sukan Pengawas 1996 pada tahun hadapan.

7) Selain itu, Lembaga juga telah menyumbangkan tenaga bagi menjayakan 'Hari Penyerahan Kad Laporan' dan juga 'Hari Penyampaian Hadiah'.

8) Aktiviti bagi Lembaga Pengawas sesi ini merupakan perlantikan AJK 1995/96 yang telah dijalankan pada Jun 1995.

Sebagai setiausaha Lembaga Pengawas 1995/96, saya ingin mewakili Lembaga Pengawas untuk merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada guru penasihat Lembaga Pengawas iaitu Ustaz Mohd. Arif dan En. Mohd Fadzil, Pn.Norsiah (Penolong Kanan Pengetua) dan akhir sekali penaung Lembaga iaitu pengetua sekolah, En. A. Atputharaja atas sokongan dan tunjuk ajar yang telah diberikan selama ini. Lembaga Pengawas juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada AJK 1994/95 yang telah bertungkus-lumus menguruskan dan memajukan lagi Lembaga selama ini di bawah pucuk pimpinan Ketua Pengawas Heng Zee Loong. Pengorbanan beliau sangatlah besar, oleh itu kami akan menghargai segala jasa beliau dan berjanji untuk menguruskan Lembaga dengan lebih baik lagi.

Sekian, terima kasih.

Siew Aik Hua
Setiausaha

LEMBAGA PUSAT SUMBER



Guru Penasihat:
Pn. Norkhidah
Cik Goh Kai Lian
Pn. Rohana
Pn. Nurbaini
Pn. Nooraini

Ketua PPS:
Goo Chee Heng

Pen. Ketua PPS:
Eng Seng Chong

Setiausaha:
Leong Wai Yin

Bendahari:
Yap Kok Yeong

Ketua Disiplin:
Toh Kok Chai

Pegawai Sosial:
Chan Keng Thoe

Pegawai Publisiti:
Yap Kok Leong

AJK Peminjaman:
Cheah Kee Chong

AJK Pengangkutan:
Ng Say Long

AJK Majalah:
Vinothen

Pusat Sumber kini tidak lagi tertumpu kepada bahan-bahan bacaan semata-mata. Pusat Sumber telah mengalihkan pandangan kepada penggunaan carta-carta dan pelbagai alat pandang dengar sebagai pembekal maklumat yang penting.

Mengetahui hal ini, Pusat Sumber di sekolah ini turut mengikuti jejak langkah yang produktif itu dalam usaha menyediakan suasana pembelajaran yang lebih baik kepada para pengguna. Di sini, PPS seharusnya bertindak secara progresif untuk menyediakan diri dalam asas bidang yang berpengetahuan ini. Secara tidak langsung, PPS dapat membentuk keperibadian masing-masing yang berkualiti terutama dalam asas kepimpinan.

KALENDAR LEMBAGA PUSAT SUMBER

Julai '94	–	Penyertaan dalam kursus kepimpinan anjuran UBS
Nov '94	–	Projek gotong-royong
Dis '94	–	Pengambilan PPS baru.
Jan '95	–	Bermesyuarat pada Persidangan PPS Sekolah-sekolah Di Sekitar Wilayah Persekutuan anjuran LPS Convent Bukit Nanas
Mac '95	–	Pesta Jualan
Mei '95	–	Projek gotong-royong
	–	Penyertaan dalam Sukan PPS anjuran LPS S.M. Victoria
	–	Majlis Perlantikan Dan Perpisahan PPS Ke-55
Jun '95	–	Bengkel Kemahiran PPS
Julai '95	–	Ujian untuk PPS baru.

Dengan itu, adalah menjadi hasrat Lembaga Pusat Sumber, pengguna-pengguna dapat memanfaatkan gedung ilmu ini dengan sepenuhnya. Semoga sikap suka membaca dapat dipupuk di kalangan pengguna ini sejajar dengan matlamat negara yang ingin melahirkan masyarakat yang berpengetahuan.

"Mendayung perahu menuju haluan,
Membawa rokok dengan rempah;
Kalau ilmu tidak diamalkan,
Ibarat pohon tidak berbuah."

"MEMBACA JAMBATAN ILMU"

Leong Wai Yin
Setiausaha

LAPORAN PERSATUAN

95'



LEMBAGA KUARTER MASTER



Guru Penasihat:
En. Andrew James
En. Rama Rao

Pengerusi:
Harmit Singh

Naib Pengerusi:
K. Rajeswaran

Setiausaha:
S. Shakthee Kumar

Bendahari:
S. Kumaran

Ahli Disiplin:
Uthaiya Kumar
B. Thangaraj
Taufek Razali

Ahli Jawatankuasa:
C. Bala
M. Paramasivan
Gunasegaran
Ahmadi

Salam sejahtera dari Lembaga Kuarter Master 1994/95. Terlebih dahulu saya bagi pihak Lembaga Kuarter Master ingin mengucap ribuan terima kasih kepada pihak penerbit Sentinel Sekolah Menengah Laki-laki Methodist Sentul kerana memberi peluang untuk menyampaikan sedikit sebanyak tentang aktiviti Lembaga Kuarter Master.

Pada bulan Mei 1994 kami telah mengambil alih tanggung-jawab mengurus harta benda sekolah setelah AJK Lembaga Kuarter Master lama (sesi 93/94) meletak jawatan. Lembaga Kuarter Master juga telah mengadakan pelbagai aktiviti sepanjang tahun.

Kami dari Lembaga Kuarter Master menjayakan acara sukan tahunan sekolah 1995 dengan menjalankan tugas yang diarahkan oleh guru penasihat kami. Ahli-ahli Lembaga Kuarter Master juga bertungkus lumus pada Hari Merentas Desa 1995 di sekolah. Kami juga mengadakan bergotong-royong dan melabelkan meja serta kerusi di sekolah pada bulan Mac 1995. Kami akan mengadakan perjumpaan dengan semua ahli-ahli pada setiap hari Rabu dan Jumaat untuk mengetahui masalah-masalah Lembaga Kuarter Master atau sekolah.

Akhir kata saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada guru penasihat kami iaitu En. Rama Rao dan En. Andrew James, pengetua dan ahli-ahli Lembaga Kuarter Master. Saya berharap Lembaga Kuarter Master akan lebih maju lagi pada masa yang akan datang. Majulah Lembaga Kuarter Master MBS.

Sekian, terima kasih.

Shakhtee Kumar
Setiausaha



SEK. MEN LAKI-LAKI METHODIST, SENTUL - LEMBAGA KUARTER MASTER SESI PETANG (1995)
EN. A. ATPUTHARAJA (PENGETUA)

(DARI KIRI KE KANAN)
   c. MBS menang SM Tinggi Setapak (w.o.)
   d. MBS menang SM Cochrane (6 – 4) Separuh Akhir
   e. MBS kalah SM Victoria (1 – 3) akhir

Seperti tahun-tahun yang lepas pasukan bolasepak MBS Sentul tidak ketinggalan di dalam pertandingan bolasepak MSSWP Zon Sentul dan MSSWP antara zon yang telah diadakan di padang SM Victoria mulai bulan April–Mei 1995. Semangat juang yang ditujukkan ketika perlawanan berlangsung seharusnya ditambah lagi dengan kecemerlangan di bidang akademik di peringkat PMR dan SPM. Walaupun pasukan bawah 18 tahun tidak layak ke pertandingan seterusnya, ini menjadi pengajaran bahawa tanpa disiplin pasukan kuat mana sekalipun ia akan tewas. Tahniah diucapkan kepada pasukan bawah 15 tahun kerana berjaya terus membawa bendera MBS Sentul ke perlawanan akhir bolasepak MSSWP 1995 dan muncul sebagai naib johan MSSWP. Terima kasih diucapkan kepada Tuan Pengetua yang sentiasa memberikan sokongan moral, guru-guru, pemain-pemain dan pelajar-pelajar yang terlibat.

Sekian.

"TIADA KECEMERLANGAN TANPA DISIPLIN"
"ORA ET LABORA"

PASUKAN OLAHRAGA



Pada tahun ini pasukan sekolah kita telah mencapai kejayaan yang boleh dikatakan membanggakan di peringkat negeri. Khususnya dalam acara jarak jauh. Walaupun pencapaian pada tahun ini kurang memuaskan dari tahun lalu, namun begitu dua orang pelajar kita telah mewakili Wilayah Persekutuan dalam Kejohanan Olahraga MSSM yang diadakan di Kuching, Sarawak.

a) **Pencapaian-pencapaian tahun ini.**

i) Larian 10 km (Bahagian Junior)
Larian 10 km (Visit Malaysia)
Kategori A di bawah 18 tahun – Pingat gangsa – S. Vikneswaran
Kategori B di bawah 16 tahun – Pingat gangsa –N. Saravanan

ii) Larian 10 km Templer Park – Pingat emas – S. Vikneswaran
ke-6 – N. Saravanan

iii) Larian 10 km Rakan Muda – di bawah 18 tahun – ke-6 – S. Vikneswaran
di bawah 16 tahun – pingat gangsa – N. Saravanan

b) **Kejohanan Merentas Desa POWP** di Kota Baharu 2 orang pelajar kita S. Vikneswaran dan N. Saravanan telah mewakili Wilayah Persekutuan.
Kategori A di bawah 20 tahun menjadi naib johan dalam acara berpasukan.

c) **Kejohanan Olahraga MSSWP**

Keputusan di bawah 20 tahun		
5000 m –	Pingat perak – S. Vikneswaran	Pingat gangsa – Nayamani
3000 m (Lari Berhalangan)	Pingat emas – S. Vikneswaran	Pingat gangsa – C. Balasubramaniam
1500m	Pingat emas – S. Vikneswaran	
Keputusan di bawah 16 tahun		
2000 m (Lari Berhalangan)	Pingat emas – N. Saravanan	Pingat perak – T. Chandran
1500 m	Pingat emas – T. Chandran	Pingat gangsa – N. Saravanan
800 m	Pingat emas – T. Chandran	

d) Kejohanan Olahraga MSSM di Kuching dua orang pelajar kita S. Vikneswaran dan T. Chandran telah mewakili Wilayah Persekutuan
Keputusan di bawah 20 tahun
3000 m (Lari Berhalangan) Pingat gangsa – S. Vikneswaran

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Encik Zabidi dan Encik Kamarul Zaman kerana memberikan nasihat kepada kami. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Encik Vellurajan kerana sudi meluangkan masa beliau serta memberikan semangat dan dorongan kepada kami. Akhir sekali, saya berharap agar semua pelajar pada masa yang akan datang akan berusaha bersungguh-sungguh untuk meningkatkan prestasi pasukan olahraga MBS Sentul.

S. Vikneswaran
Kapten

PASUKAN BOLA TAMPAR



Guru Penasihat:
Pn. Suzaini
En. Choo Chee Seng
En. Zainuddin
En. Zabidi
En. Shariel

Pemain-pemain:

Chua Kok Chong (5 Aries)
Chin Yoon Wei (5 Aries)
Ng @ Wong Wee Heong (5 Libra)
Lim Kok Leong (5 Aries)
Lim Chee Hong (5 Libra)
Low Chee to (5 Taurus)
Heng Zee Long (5 Aquarius)
Teoh Check Jin (4 Leo)
Dang Tian Lai (4 Scorpio)
Yap Pok Lai (3S1)
Kharuddin (4 Gemini)
Chong Yu Soon (4 Aquarius)

Seperti tahun-tahun yang lalu, pasukan bola tampar bawah umur-18 dan 15 tahun mengambil bahagian dalam pertandingan Zon Sentul. Walau bagaimanapun pencapaian pasukan U-18 tahun pada tahun ini agak memuaskan kerana telah berjaya memasuki peringkat separuh akhir.

Di sebaliknya, pasukan bawah umur 15 tahun walaupun telah berusaha-paya tetapi tidak berjaya memasuki peringkat akhir kerana mereka masih muda dan kekurangan pengalaman.

Namun demikian, beberapa orang pemain dari sekolah kami telah dipilih untuk mewakili Zon Sentul dan Wilayah.

Baru-baru ini, pasukan kami juga mengambil bahagian dalam program Rakan Sukan dalam perlawanan bola tampar dengan bersekutu dengan bekas pemain-pemain sekolah kami seperti Wee Soon, Heng Fook dan juga Sim Ming. Selain daripada itu, kami juga menunjukkan potensi kami dalam pertandingan "Kuala Lumpur City Day (Youth)". Tujuan adalah untuk meningkatkan taktik dan prestasi kami.

Di samping itu, sebagai wakil pasukan bola tampar, ingin saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada 5 orang guru penasihat kami atas tunjuk ajar kepada kami. Tidak lupa juga kepada Tuan Pengetua, En. Atputharaja dan Penolong Kanan H.E.M., Puan Norsiah yang memberi sokongan penuh kepada pasukan kami.

Akhirnya, diharap pasukan bola tampar kami dapat melangkah ke peringkat yang lebih cemerlang dan berpotensi.

Chong Yu Soon
Wakil Pemain

BADMINTON



Guru Penasihat:
Pn. Yee Kok Seong

Ketua Pasukan:
Navin

Setiausaha:
Lee Meng Keong

Ahli-ahli:
Tan Eng Lee
Siew Aik Hua
Ng Eng Huat
T. Gopinath
Tay Tiong Kiat
Syafry Noor
Ng Eng Huat
Fauzi
Leong Hong Yee
Lau Ka Sing
Syabeel
Chung Chee Chuan
Odiranda

Aktiviti-aktiviti:

1) Latihan pusat diadakan 3 kali seminggu.
2) Menyertai pertandingan badminton berpasukan Zon Sentul.
3) Mneyertai pertandingan badminton individu Zon Sentul di Dewan Serbaguna Bandaraya, Jalan Tun Razak.
4) Mengadakan pertandingan badminton tertutup MBS, Sentul.

Di acara individu pasukan badminton telah menghantar wakilnya, di bawah 20 tahun dan di bawah 15 tahun. Di acara ini, Navin hanya berjaya sehingga peringkat separuh akhir manakala T. Gopinath telah tewas di suku akhir.

Di acara berpasukan – bawah 18 tahun berjaya ke peringkat separuh akhir dengan mengalahkan Sekolah Menengah Kepong Baru (3 – 0), mengalahkan Sekolah Menengah Jinjang (3–2) dan tewas kepada Sekolah Menengah Chong Hwa Persendirian (2 – 3).

Di bawah 15 tahun – telah tewas kepada Sekolah Menengah La Salle Sentul (2 – 3).

Kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Pn. Yee dan Pn. Wong atas sokongan dan nasihat mereka, juga diharapkan pada masa akan datang, pasukan sekolah kita mencatatkan kejayaan yang lebih cemerlang lagi. Akhir kata,

"MAJULAH BADMINTON UNTUK SEKOLAH".
"ORA ET LABORA".

Navin
Ketua Pasukan

SEPAK TAKRAW BAWAH 18 TAHUN



Guru Penasihat:
En. Sharil
En. Jamal
En. Muzaini

Pemain-pemain:
Mustapha
Yassin
Aziz
Azrizal
Rizal
Kamaruzaman
Yunus
Marsus
Isfarizal
Norafizan
Nizaruddin
Hairol
Azri Azwar
Loi Jin Kit

Keputusan Perlawanan Zon Sentul
S.M.M.B.S. bt. S.M. Agama
S.M.M.B.S. bt. S.M. Bandar Baru Sentul
S.M.M.B.S. bt. S.M. LaSalle Sentul

Separuh Akhir
S.M.M.B.S. bt. S.M. Raja Ali

Akhir
S.M.M.B.S. bt. S.M. Maxwell (Naib Johan Zon Sentul)

Peringkat Antara Zon
S.M.M.B.S. bt. Sri Ampang
S.M.M.B.S. bt. S.M.Yakkub Latif
S.M.M.B.S. bt. S.M.M.T.D.

Walaupun kami tewas di peringkat zon-zon, tetapi kami bersyukur kerana dapat menjadi naib johan di peringkat zon Sentul dan kami dapat menunjukkan permainan yang memuaskan.

Akhir kata, kami pemain-pemain Sepak Takraw mengucapkan ribuan terima kasih kepada Encik Sharil, Ustaz Arif dan juga orang yang membantu dari segi teknik ialah En. Saiful dan kami juga berharap semoga M.B.S. akan terus mara ke hadapan.

"MAJULAH SUKAN UNTUK NEGARA"

Ketua Pasukan
Mustapha

SEPAK TAKRAW BAWAH 15 TAHUN

Guru Penasihat:
En. Sharil
En. Jamal
En. Muzaini

Pemain-pemain:
M. Zul Fahmi
M. Razali
Khairul Mustapha
Fairus Nizam
Jamhuri
Tengku Ahmad Sufi
Farid
Fadly
Azwin
Jefri
M. Rizal
Shariff

Keputusan Perlawanan Zon Sentul
S.M.M.B.S. bt. S.M. Bandar Baru Sentul
S.M.M.B.S. bt. S.M. Titiwangsa
S.M.M.B.S. bt. S.M. Raja Abdullah

Separuh Akhir
S.M.M.B.S. bt. S.M. Maxwell

Akhir
S.M.M.B.S. bt. S.M. Agama (Naib johan Zon Sentul)

Peringkat Zon-zon Wilayah
S.M.M.B.S. bt. S.M.
S.M.M.B.S. bt. S.M. Yakub Latif
S.M.M.B.S. bt. S.M. Sri Rampai

Separuh Akhir
S.M.M.B.S. bt. S.M. Alam Shah

Tempat 3 dan 4
S.M.M.B.S. bt. S.M. Yakub Latif (Tempat 3 Zon-zon Wilayah)

Walaupun kami tewas di peringkat Zon-zon Wilayah pada tahun ini, tetapi kami bersyukur kerana kami dapat menjadi naib johan Zon Sentul dan tempat ketiga Zon Wilayah. Kami telah menunjukkan semangat yang tinggi pada setiap perlawanan.

Akhir kata, kami pemain-pemain Sepak Takraw mengucapkan ribuan terima kasih kepada En. Sharil, En. Saiful dan guru-guru atas sokongan dan tunjuk ajar di sepanjang pertandingan itu. Kami berharap semoga M.B.S. akan menjadi lebih unggul pada masa hadapan.

Ketua Pasukan
M. Zul Fahmi

PASUKAN PING PONG



Guru Penasihat:
Ustazah Salwani

Pemain-pemain:

Bawah 20 Tahun:
Ng Say Long
Lee Yeow Keong
Sam Teck Seng
Gan Fuk Shern
Muhammad Azrizal Jasid
Johari Abdullah
Chong Chun Lin (Pengadil)

Bawah 15 Tahun:
Syafry Noor
Cheong Choon Kan
Chong Soze Ming

Keputusan pasukan ping pong pada tahun ini agak memuaskan. Pasukan Ping Pong telah menyertai Pertandingan Ping Pong MSSWP Zon Sentul di SM La Salle Sentul pada 14hb–16hb Mac 1995.

Awal-awal lagi, pemain perseorangan dan bergu bawah 20 tahun telah kecundang kepada pemain SM Chong Hwa dan SM Jinjang, Pasukan bawah 20 tahun pula menunjukkan prestasi yang lebih baik, namun mereka juga kecundang kepada SM Chong Hwa di separuh akhir.

Pemain-pemain bawah 20 tahun bukan Cina menampilkan prestasi yang agak baik. Dalam kategori perseorangan dan bergu, mereka telah mampu mara ke peringkat separuh akhir tetapi akhirnya mereka terpaksa mengakui kekuatan pemain SMAKL setelah kalah dalam kedua-dua kategori itu.

Prestasi pemain-pemain bawah 15 tahun agak hambar pada tahun ini. Kesemua pemain telah kecundang pada pusingan kedua. Dalam kategori pasukan, SM Jinjang telah berjaya mengalahkan kita manakala dalam kategori perseorangan dan bergu pula, kita telah kalah kepada SM Kepong Baru.

Akhir sekali, saya ingin merakamkan penghargaan kepada En. Saiful kerana beliau telah melatih kami dengan bersungguh-sungguh 3 minggu sebelum pertandingan. Walaupun beliau kini tidak berada di sekolah ini lagi kerana mengikuti kursus, kami masih berlatih setiap Jumaat supaya dapat memberikan prestasi yang cemerlang pada tahun hadapan.

Sekian, terima kasih.

Ng Say Long
Ketua Pasukan

BOLA KERANJANG BAWAH 18 DAN BAWAH 15



Guru Penasihat:
Puan Zarrin Abdullah
En. Chan Chee Man

Pemain Bawah 18 tahun:
Ketua Pasukan:
Gan Fuk Shern
Pengurus: Yap Soon Tin
Chai Ming Loon
Ng Chee Keong
Ooi Siak Chew
Teoh Check Jin
Lim Chee Hong
Lim Chin Seng
Tang Dian Lai
Tan Min Keong
Yap Soon Kuan
Kok Ming Kit

Pemain Bawah 15 tahun:
Ketua Pasukan:
Chan Weng Loon
Pen. Ketua:
Hong Chee Kian

Teh Boon Liang
Heng Yik Chee
Leong Hong Yee
Foo Chee Kang
Tan Peng Kuan
Yap Kok Meng
Chong Koak Wah
Lawrence Teh
Gan Fuk Tung
Chong Keat Wah

Pasukan Bola Keranjang terdiri daripada bawah 15 tahun dan 18 tahun di bawah penyeliaan En. Chan Chee Man dan Pn. Zarrin Abdullah. Latihan diadakan pada setiap hari Selasa, Khamis dan Sabtu di bawah ajaran jurulatih bola keranjang En. Yong yang berasal dari pasukan Bola Keranjang Kuala Lumpur. Pasukan ini terdiri daripada 8 orang pemain.

Pada 14 Jun 1995 hingga 1 Julai 1995, Pertandingan Bola Keranjang (Lelaki) MSSWP Zon Sentul 1995 telah berlangsung di S.M. Chong Hwa, Jalan Gombak, Kuala Lumpur. Tahun ini merupakan tahun yang agak baik bagi pasukan kami. Kami kecundang pada peringkat awal pertandingan tersebut. Sungguhpun pasukan kami hanya 1 menang 3 kalah dalam pertandingan itu, semangat kesukanan serta semangat perjuangan yang ditunjukkan oleh para pemain tidak pernah luntur.

Di samping itu, pasukan kami juga mengadakan pertandingan persahabatan dengan S.M. (L) Methodist Kuala Lumpur (menang) dan S.M. (L) Jalan Ampang (kalah). Manakala bagi Pertandingan Bola Keranjang Terbuka yang dianjurkan oleh S.M. Selayang Baru, kami mendapat keputusan yang memuaskan. Untuk meneruskan semangat perjuangan pasukan kami, kami akan mengadakan lebih banyak pertandingan persahabatan dengan beberapa buah sekolah pada tahun depan yang akan datang.

Akhir kata, saya selaku pengurus Pasukan Bola Keranjang MBSS (U.15 dan U.18) ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada guru penasihat pasukan En. Chan Chee Man, Pn. Zarrin Abdullah dan tidak lupa juga kepada Penolong Kanan HEM, Pn. Norsiah serta jurulatih bola keranjang En. Yong. Mereka yang sentiasa memberikan sokongan moral serta tunjukajar. Diharap Pasukan Bola Keranjang MBSS akan menjadi lebih unggul pada masa yang akan datang.

Sekian, terima kasih.

Yap Soon Tin
Pengurus



KELAB CATUR



Pengerusi:
Ng Say Long

Naib Pengerusi:
Lim Robin Idah

Setiausaha:
Hang Chen Ing

Bendahari:
Edwin Chen Win Keong

AJK Peralatan:
Tan Seng Hong

Pertandingan:
Toh Chin Kok

Penyelaras:
Calvin Chung Chee Chuan

Publisiti:
Brian Tan Kian How

Guru Penasihat:
Lim Tong Eng
Pn. Rahmah

Kelab Catur sekolah ini telah berkembang dari 25 orang ahli pada tahun 1992 kepada 72 orang ahli pada tahun 1995. Ini menunjukkan adanya usaha yang dijalankan oleh AJK Kelab bagi memajukan kelab ini. Matlamat kelab ini adalah untuk memupuk minat terhadap permainan catur serta untuk melatih ahli-ahlinya menggunakan daya pemikiran yang cekap, tepat dan kreatif.

Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan sepanjang tahun ini ialah:

- Pertandingan Catur Terbuka Kuala Lumpur
- Pertandingan Catur MSSWP
- Pertandingan Catur Remaja Royal Selangor ke-11
- Pertandingan Blitz Kebangsaan
- Terbuka Bestari Universiti Malaya
- Pertandingan Catur Rakan Rekreasi
- Latihan Catur setiap Sabtu dan Jumaat
- Mesyuarat Agung dan bulanan.

Pencapaian Kelab Catur:

Ng Say Long	–	Ke-4 dalam pertandingan catur Remaja Royal Selangor ke-11
Toh Chin Kok	–	ke-3 dalam MSSWP Zon Sentul B-20 ke-5 dalam MSSWP, terpilih mewakili WP ke MSSM.
Sekolah	–	Tempat ke-3 dalam B-20 dalam bahagian individu dan pasukan ke-5 dalam MSSWP.

Selain daripada itu, Ng Say Long juga berjaya mendapat tempat keempat dalam Pertandingan Catur Terbuka KL (Julai dan Ogos) dan mendapat tempat ke-21 dalam Pertandingan Blitz Kebangsaan yang disertai oleh lebih daripada 10 orang 'Grandmaster' dan 'International Master'.

Semoga Kelab Catur dapat mencapai prestasi yang lebih baik pada masa yang akan datang.

MAJULAH SUKAN UNTUK NEGARA

Lim Robin Idah
Naib Pengerusi

PERTUBUHAN SILAT SENI GAYONG MALAYSIA



Guru Penasihat:
Puan Rokiah bt. Bakut
En. Kamarulzaman

Jurulatih:
Majlis Beradat Khalifah Muda Negeri Selangor
En. Tahir bin Saidon

Pengerusi:
Wan Izham (4 Aries)

Naib Pengerusi:
Mohd. Zaini (5 Aries)

Setiausaha:
Mohd. Lutfi (4 Aries)

Naib Setiausaha:
Saiful Zaharie (2M2)

Bendahari:
Mohd. Fauzi (3B2)

AJK:
Mohd. Lokman (2S2)
Mohd Isa (2S2)
Hazrul Hisyam (2M3)

Syukur ke hadrat Ilahi Pertubuhan Silat Seni Gayong gelanggang MBS Sentul dapat menjalankan aktiviti seperti biasa, malah tahun ini, pertubuhan kami bergiat lebih aktif lagi dari tahun-tahun yang sebelumnya.

Objektif pertubuhan ini bertujuan untuk mencungkil bakat para pelajar MBS dalam seni persilatan, supaya budaya silat Melayu tidak pupus ditelan arus kemodenan. Di samping itu, ia dapat menguji ketahan seseorang pelajar dari segi mental, emosi dan rohani. Cara ini dapat memupuk para pelajar untuk berdikari, mendisiplinkan diri, serta bekerjasama.

Penyertaan pelajar pada tahun ini sangat menggalakkan iaitu seramai 54 orang pelajar. Tahun ini melibatkan perbelanjaan yang besar untuk membeli barang keperluan latihan iaitu lebih kurang berjumlah RM1600 daripada yuran pelajar.

Aktiviti tahunan kami adalah seperti berikut:

Disember	–	Pengambilan ahli baru
Januari	–	Perlantikan ahli jawatankuasa
	–	Kem olahraga selama 3 hari 2 malam di sekolah
April	–	Demonstrasi hari sukan di Stadium Merdeka
Mei	–	Demonstrasi hari guru di sekolah.
Jun	–	Demonstrasi jemputan hari keluarga DBKL di Taman Tasik Titiwangsa.
Julai	–	Pemilihan Skuad Silat Seni dan Olahraga.
	–	Majlis Perjumpaan anak-anak Gayong bertempat di Bukit Komanwel.
Ogos	–	Pertandingan olahraga
	–	Majlis memperlimau tapak
	–	Ujian kenaikan bengkong
September	–	Pertandingan silat seni.

Dengan harapan Pertubuhan Silat Seni Gayong Malaysia gelanggang MBS Sentul akan lebih maju di masa yang akan datang.

Mohd. Luthfi
Setiausaha

KELAB TAEKWONDO



Guru Penasihat:
Pn. Pui Kim Lee

Jurulatih:
Master Ben Wong Siew Peng

Pengerusi:
Lim Robin Idah

Naib Pengerusi:
Yong Chee Yin

Setiausaha:
Tan Min Keong

Naib Setiausaha:
Andy Tham Soong Chee

Bendahari:
K. Selvakumar

Naib Bendahari:
Loo Kok Keong

AJK:
Peralatan:
Edwin Chen
Publisiti:
Sam Teck Seng
Penyelaras Aktiviti:
Ng Say Long
Hal-Ehwal Kelab:
Teo Hui Yew
Wakil Sesi Petang:
Thum Wai Hoong
Ketua Disiplin:
Lim Robin Idah

"Taekwon-Do" terdiri daripada perkataan "Tae" yang membawa maksud menghentam atau memusnahkan dengan kaki, "Kwon" bererti memukul dengan menggunakan tangan dan penumbuk dan "Do" ialah sistem atau kaedah. Maka pengertian Taekwon-Do membawa pengertian melemahkan atau mematikan lawan dengan menggunakan kemahiran pengerakan tangan atau kaki.

Di sekolah kita, pada masa kini terdapat lebih kurang 60 orang ahli dari sesi pagi dan petang. Sambutan daripada pelajar amat menggalakan. Latihan dijalankan pada setiap Sabtu (General Glass) dan Selasa, Khamis (Centralize Training).

Aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan sepanjang tahun termasuklah mesyuarat agung, demonstrasi pada Hari Guru dan Hari Sukan, menyertai Pertandingan Taekwon-Do Terbuka Remaja Kebangsaan dan Pertandingan Taekwon-Do Terbuka Universiti Islam Antarabangsa.

Kelab Taekwon-Do di bawah tunjuk ajar jurulatih Master Ben Wong (6th DAN) yang juga merupakan jurulatih squad Taekwon-Do negara kita telah membawa kita kepada pencapaian, kemajuan serta prestasi yang memuaskan. Kini kelab dilengkapi pelbagai alatan seperti 'punching bag', 'target' dan 'sparing vest' untuk digunakan semasa latihan dijalankan.

Akhir kata, diharapkan pada masa yang akan datang.

'MAJULAH SUKAN UNTUK NEGARA'.

Tan Min Keong
Setiausaha

KELAB KARATE-DO



Guru Penasihat:
En. Vellurajan
En. Lim Tong Eng

Pengerusi:
S. Jaganraj

Naib Pengerusi:
K. Kumaravell Pillai

Setiausaha:
J. Jaya Praksh

Pen. Setiausaha:
M. Shashi

Bendahari:
V. Nadarajah

Pen. Bendahari:
P. Kumaran

Ahli Jawatankuasa:
Yewarajah
Suresh Kumar
Mohd. Rafiz
S. Kumaran

16.4.95 Jemputan untuk Penang Open
S. Jaganraj (pingat perak Kumite Perseorangan)

30.4.95 Jemputan untuk Hayashi-Ha Open.
S. Jaganraj (pingat perak Kumite Kumpulan)

4.6.95 Training Camp selama satu minggu di Taiping Open
S. Jaganraj (pingat emas Kumite Heavy Weight)

25.6.95 Kami telah mengadakan Inter Tournament ke 7 di Sekolah Menengah Laki Methodist Sentul, yang dianjurkan oleh Kelab Karate-Do sekolah.
S. Kumaran (Kumite Kumpulan Ketiga)
Mohd Rafiz (Kumite Kumpulan Pertama)
Yewarajah (Kumite Perseorangan Ketiga)

Saya sebagai pengerusi Kelab ini ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada En. Vellurajan dan En. Subramaniam di atas segala tunjuk ajar, bimbingan serta galakan mereka. Kelab Karate ini berpegang teguh kepada prinsipnya iaitu 'Toleransi'. Ia mempunyai seramai 28 orang ahli yang berdedikasi dan aktif.

Sebagai penutup kata:

"MAJULAH KARATE UNTUK NEGARA".
"ORA ET LABORA".

Jaganraj Selvaraju
Pengerusi

CHORAL SPEAKING COMPETITION



SEK. MEN LAKI-LAKI METHODIST, SENTUL - 1st PRIZE IN CHORAL SPEAKING : FORM 1 (1995)
EN. A. ATPUTHARAJA (PENGETUA)

(DARI KIRI KE KANAN)
BARISAN PERTAMA : BEH JIUM HAU, SIEW AIK WENG, FONG LUEN KHYE, NARESH SINGH, AZAHAR, PN. NURBAINI, PN. AZIZAH, J.S. NITHIANATHAN, WONG KIM KIT, TARANJIV SINGH, S. ESWARAN, ALEX THOO SOON LEONG, YU CHUNG LEONG
BARISAN KEDUA : LIM CHEE TIONG, ABDUL RAHIM, MOHD. AZRIL DOLLAH, SEW SZE WEI, MANJIT SINGH, MOHD. ZUWAIRI, AHMAD MUKHZANI, MARC LOURDES, CHAN HOI PUN, KHOR SHO SIANG, MOHD. FANDI, T. YEOHAN, KHEH CHOON LENG
BARISAN KETIGA : NAZRUL IZZHAM, NAVIN SELVARAJU, R. DEVANANTHAN, OMAR ANGAR, SHARIL, CHAN CHEE KEONG, YEW KWAN HAN, KUNTA KINTE, JOEL ESPESKERMAN, MOHD. FAZLY, DZULHELMI, MELVIN RUDD



SEK. MEN LAKI-LAKI METHODIST, SENTUL - 2nd PRIZE IN CHORAL SPEAKING FORM 2 (1995)
EN. A. ATPUTHARAJA (PENGETUA)

(DARI KIRI KE KANAN)
BARISAN PERTAMA : YOONG SIEW LEONG, RUEBEN, A. RAVI CHANDRAN, SENG THAM BOON, EN. MUSTAFFA, PN. NORHAIDA, TAN JOON KUAN, TAN PENG KUAN, MOHD. IZAT, KENNY TAN WAN HIN
BARISAN KEDUA : MOHD. KHAIRUDDIN, MUHAMMAD RIDWAN, AHMAD ZALMI, JUNAIDIE, AZMIN, WANG LIANG FENG, YAP KOK MENG, IRA IRWARDDY, LIM BENG KHAI, LEE CHIA LUN, YAP BEE HENG, YOGENDRA KUMAR
BARISAN KETIGA : FAISAL, SALMAN SHAH, MOHD. AIDIL, HAZRIN SYAH, ABDUL MOHSEIN, JASAIRWAN, MOHAMAD RIZAL, MUHAMMAD ISA, MOHD. FADZLEE, MOHD. AZRUL NIZAM
BARISAN KEEMPAT : KITSIRI, CHAN HOR WAI, CARTER LIM, HENG YIK CHEE, MOHD. LOKMAN, CHAU KOK FOONG, ELANGGOVAN, LIM CHUAN YANG, FONG KOK LIANG



SEK. MEN LAKI-LAKI METHODIST, SENTUL - 2nd PRIZE IN CHORAL SPEAKING (1995)
EN. A. ATPUTHARAJA (PENGETUA)

(DARI KIRI KE KANAN)
BARISAN PERTAMA : MOHD. AIDIL HADI, ADRIAN, ZAINY, PREM NATH PILLAI, PN. JANET RATNAM, PN. NOORAINI, MOHD. FAIRUZ, JEEVANRAJ, HAZALAN, L. MARIA NOEL
BARISAN KEDUA : MOHD. FAIRUS, DZULKARNINE, K. DEVANANDA, TAN HENG LOONG, CHIAM BOON HOCK, WONG SOON SOON, JASON KHOO, JAGVINDER SINGH, AZMAN, WONG KIN SING, SYED ABDUL RAHIM
BARISAN KETIGA : MOHD. FAIRUZ GHAFAR, NOR FAZLI, V. LINGESWARAN, AHMAD SYAHRUL AZLI,JOHN JEREMIAH, ZUL-AZRI, M. BATHMANATHEN, SHERESH JACOB, MOHD. FAUZI, KALAISELVAM, MOHD. FAZLI

The first inter-class Choral Speaking Competition was held on 1–2 August 1995. This competition involved only the non-examination classes. It was initiated to train the students in correct pronunciation. Everyone in the class had to take part, thus encouraging greater student creativity on the part of the students as they interpreted orally the meaning of their poems. Proper sentence structures were also reinforced as they repeated their lives.

The winners are as follows:

REMOVE
Winner: Peralihan 1
Runner-up: Peralihan 3

FORM 1
Winner: 1S1
Runner-up: 1M3

FORM 2
Winner: 2S1
Runner-up: 2S2

FORM 4
Winner: 4 Aquarius
Runner-up: 4 Leo

I take this opportunity to thank the teachers for their co-operation and perseverance in training the students as well as the judges for their help on the day of the competition.

Miss Goh K.L.
Head of Languages

KELAB KEBUDAYAAN



Guru Penasihat:
Pn. Serina
Pn. Ruzita

Pengerusi:
D G Leonard (5 Libra)

Naib Pengerusi:
Mohd. Isminuddin
B. Osman (4 Scorpio)

Setiausaha:
Yusshaimi (3M1)

Bendahari:
Saripol Azali

AJK:
Prem Nasir
Ravindran
Zulkhairi

Salam hormat daripada Kelab Kebudayaan. Tahun ini merupakan tahun yang amat istimewa bagi Kelab Kebudayaan kerana kejayaan beberapa aktiviti yang telah dijalankan.

Kejayaan Kelab Kebudayaan termasuklah berjaya mewakili Zon Sentul dalam Pertandingan Tarian Tradisional Sekolah-Sekolah Wilayah Persekutuan sempena Hari Wilayah.


Kejayaan Kelab Kebudayaan menggondol juara dalam Pertandingan Menghias Papan Kenyataan Kelab/Persatuan Sekolah juga membawa makna yang mendalam bagi kami.

Akhir kata kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak termasuk guru-guru penasihat kelab lebih-lebih lagi kepada Puan Serina dalam menjayakan aktiviti Kelab Kebudayaan.

Kami juga berharap agar Kelab Kebudayaan ini dapat dimajukan setanding dengan persatuan-persatuan yang lain.

Yusshaimi Mohd. Yunus
Setiausaha Kelab Kebudayaan

KRIKET



Guru Penasihat:
En. Douglas

Jurulatih:
En. Saiful

Pengerusi:
S. Jegathisan (5 Libra)

Naib Pengerusi:
A. Thiagarajan
(5 Libra)

Setiausaha:
S. Kumaran (5 Libra)

Bendahari:
Harmit Singh (5 Leo)

Di sini setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada Tuan Pengetua En. A. Atputharaja kerana memberi semangat serta dorongan kepada pasukan kami. Tidak lupa juga kepada jurulatih kami En. Saiful kerana sudi meluagnkan masa untuk melatih kami.

Saya sebagai setiausaha pasukan, ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada guru penasihat kami En. Douglas yang turut memberi semangat serta sokongan kepada kami.

Aktiviti kami sepanjang tahun ini adalah seperti yang berikut:–

Dis '94 – Jan '95	–	Latihan progresif
21 Jan '95	–	Menyertai karnival kriket di MPIK Cheras.
Mac '95	–	Perlawanan persahabatan dengan SM Dt. Lokman dan SM Maxwell.
Mei '95	–	Perlawanan kriket MSSWP 1995 di M.T.D. Sg. Besi. Pasukan kami mendapat tempat ketiga.
Mei '95	–	Pemilihan bagi pasukan kriket Kuala Lumpur, tiga orang pelajar sekolah ini telah dipilih untuk mewakili Kuala Lumpur.


'MAJULAH SUKAN UNTUK NEGARA'

S. Kumaran
Setiausaha Pasukan

With Best Compliment
from

Yum Yum Yummy..., Good Good Goody....

Look, so dandy. To fill my tummy.



SCHOOL CANTEEN

Mr. Yu Chin Huat
Canteen Operator
SRJK (L) Methodist Sentul
Kuala Lumpur

With Best Compliments

From

SYARIKAT SAINS FAJAR

PEMBEKAL RADAS-RADAS SAINS KIMIA
DAN ALAT-ALAT PERUBATAN

No. 99, Jalan Union, Off Jalan Sentul,
51000 Kuala Lumpur.
Tel: 01-610-629

418A, Rumah Kedai, Taman Paroi Jaya,
70400 Ampangan, Seremban,
Negeri Sembilan Darul Khusus.
Tel: 06-772629 Fax: 06-774388

With Best Compliments

from

玉美自立公司

GRACE SENDIRIAN DISTRIBUTORS

批發供應：
文房用具、運動用品、恤衫、獎牌、印務及課本。

WHOLESALES & SUPPLIED:
STATIONERY, SPORTS GOODS, T-SHIRT, TROPHIES PRINTING & BOOKS.

59, JALAN DESA MAKMUR, TAMAN DESA,
4TH MILE, OLD KLANG ROAD,
KUALA LUMPUR.
TEL: 7822688

With Best Compliments

from

JENNY

PHOTOGRAPHY SPECIALIST (MALAYSIA)

379A, Jalan 5/54,
Taman Petaling,
46000 Petaling Jaya.
Tel/Fax: 03-7919662

JENNY LEE
Manager
H/P: 010-2132980

"NO SERVICE CHARGE"

WITH BEST COMPLIMENTS
FROM

PERMAI EDAR

No. 29A, Tingkat 1, Jalan 11,
Taman Putra Selangor, 68000 Ampang, Selangor

Pej: 03-4918406 Rum: 03-4913043
Atur: 011-349824

PENGIMPORT DAN
PEMBEKAL ALATAN SAINS,
RADAS KACA
DAN BAHAN KIMIA
UNTUK KEPERLUAN MAKMAL SEKOLAH
UNIVERSITI DAN PUSAT-PUSAT PENYELIDIKAN

SUDUT KARYA



Shut Away

SERATUS PERATUS

Arghh...! Mail semakin bingung. Fikirannya menjadi kusut, semakin lama semakin buntu dirasakannya. Resah gelisah Mail dibuatnya. Dia berbelah bagi sama ada mahu meniru atau tidak dalam peperiksaan itu. Rakan-rakannya sedang tekun menjawab soalan, namun Mail masih terkebil-kebil melihat kertas soalan di atas mejanya. Matanya memandang semula kertas soalan. Mail memejamkan mata agar kekusutan fikirannya itu hilang, namun sia-sia. Hati Mail berperang antara nafsu dan kejujuran. "Kalau aku meniru, sudah pasti aku akan mendapat markah yang tinggi, ibu bapa aku tentu memujikan dan Cikgu Salbiah tidak akan memarahi aku kerana tidak lagi gagal seperti ujian yang lepas." Nafsu dan kejujuran Mail bergolak untuk memenang hati Mail. Nafsu Mail semakin menguasai fikirannya. Mail berhasrat untuk meniru. Dia mengambil kertas berlipat di koceknya. Mail memandang sekeliling, tiada siapa yang memerhatikannya. "Haruskah aku membuka kertas ini? Aku tak mahu menipu ibubapa ku semata-mata untuk mendapat markah yang tinggi. Jika aku meniru, bermakna aku tidak jujur terhadap diri sendiri! Aku tidak akan meniru biarpun aku gagal sekali lagi!"

Mail masih ingat lagi bagaimana dia mendapat kertas jawapan itu. Cikgu Salbiah membiarkannya di atas meja semasa beliau ke kantin, Mail yang berada di bilik guru ketika itu, menyalin kesemua jawapan. Dia begitu gembira apabila mengetahui jawapan bagi kertas soalan sains itu. Sememangnya Mail selalu sahaja gagal dalam matapelajaran sains, meskipun Mail sudah mendapat jawapannya, tetapi dia tetap belajar supaya ibunya tidak mengesyaki sesuatu.

"Haruskah aku meniru? Tidak! Tidak! Aku tidak akan menipu diriku sendiri. Aku akan berusaha atas daya usaha ku sendiri. Ya! Berusaha atas daya usaha ku sendiri!". Perlahan-lahan, kertas jawapan itu direnyukkan, kertas soalan ditatap kembali, fikiran menjadi buntu semula, bagaikan hendak pecah kepala! Cuma lima soalan belum dijawab. Tidaklah sukar bagi Mail untuk menjawab soalan yang lain kerana sebelum itu dia sentiasa membaca buku. Hanya setelah dia mendapat kertas jawapan, Mail kurang menumpukan perhatian terhadap matapelajaran sains. Hatinya menjadi risau.

Jam di tangannya menunjukkan hanya tinggal dua minit lagi untuk menjawab kertas soalan. Menyesal juga Mail kerana tidak meniru. Kertas jawapan yang direnyukkan tapi, entah hilang ke mana. Mail semakin bingung, soalan itu seolah-olah mempermain-mainkan dia. Dia terasa seperti diketawakan oleh kertas soalan itu. Mail mengetap bibirnya. "Aku takkan mengalah, aku tetap akan berusaha!" Mail masih lagi teragak-agak menandakan jawapan biarpun rakan-rakannya yang lain telah selesai menjawab soalan. Mail terus menandakan lima jawapan yang belum dijawab. Mail hanya berserah kepada nasib, dia tidak kisah andai ditakdirkan dia gagal sekali lagi.

"Letakkan pensel dan hantar kertas jawapan!", tersentak Mail bila terdengar suara Cikgu Rahim. Mail bingkas bangun lalu menyerahkan kertas jawapannya kepada Cikgu Rahim. Fikirannya yang tadi bercelaru, kini bertukar menjadi tenang. Mail mengemaskan peralatannya lalu mencapai beg dan melangkah keluar dari kelas.

"Mail!", langkah Mail terhenti seketika bila Hadi memanggilnya.

"Kertas yang atas meja kau ni, tak nak ke?" tanya Hadi.

"Ah! Buang aje lah," jawab Mail. "Betul ke?", tanya Hadi meminta kepastian. Mail cuma mengangguk. Serentak itu, Hadi memanggil rakan-rakannya seolah-olah dia terjumpa harta karun. Rakan-rakannya berkumpul dan suasana dalam kelas itu menjadi riuh-rendah. Mail berasa seperti ada sesuatu yang tidak kena. Dia berpatah balik menuju ke arah kelompok

manusia itu. Mail merampas pantas kertas yang dipegang oleh Hadi. "Kertas apa yang korang tengok ni?" tanya Mail kehairanan. Mail terkejut melihat kertas yang direnyakkannya tadi berada di tangan rakannya.

"Mana kau dapat ni?", tanya Mail kepada Hadi.

"Atas meja kau lah," jawab Hadi kehairanan.

Dengan berdebar-debar, Mail meneliti jawapan yang tercatit di kertas itu dan kertas soalan sains. Tiba-tiba sahaja Mail menjerit kesukaan dan melompat-lompat kegirangan. Betapa girang hati Mail, bila kesemua jawapannya tadi serupa dengan kertas renyuk yang dipegangnya!

Hasil Ilham Daripada –
Syaifful Anuar bin Abdul Jalil
4 Leo

SUTERA PUTIH

Aku tidak sangka peristiwa semalam masih menghantui diriku. Hatiku bertambah gelora. Aku tidak dapat melelapkan mataku sehingga jam di dinding berbunyi menunjukkan pukul dua belas tengah malam. Peristiwa itu masih segar di dalam ingatanku. Tiba-tiba entah mengapa, fikiranku terbayang peristiwa yang ngeri itu bagaikan sedutan-sedutan filem yang sedang tertayang di pawagam.....

Masih kuingat, pada malam itu, ibu dan ayah telah bertolak ke Johor Bharu untuk menghadiri majlis perkahwinan anak perempuan Mak Ngah. Disebabkan keesokan hari aku harus ke sekolah, tidak dapatlah aku mengikut. Di dalam rumah yang kosong itu, tinggallah aku seorang diri sedang menonton rancangan televisyen. Disebabkan malam itu malam Ahad, suasana di sekeliling rumahku sunyi sepi, hanya ditemani oleh dialog-dialog yang disampaikan oleh pelakon-pelakon drama....

"Ini semua adalah sandiwara kau bukan, sampai hati kau membuat aku sebegini."

"Maafkan aku, Ina, aku tidak berniat untuk melukai hatimu."

Mataku terasa pedih kerana telah dipancari oleh sinaran cahaya televisyen selama sejam. Lalu aku pun matikan suis televisyen dan melabuhkan punggungku ke atas kerusi di depan meja tulisku. Suasana bertambah sunyi apabila "kehilangan" bunyi televisyen. Malam yang hening sunyi, sungguh indah bagiku apabila disertai dengan sepoi-sepoi angin yang dingin rasanya, tetapi sepi masih menguasai diriku.

Suasana yang sebegini indah tidak direstui Tuhan untuk terus menemaniku. Hujan yang lebat mengunjung tiba semasa kuingin menikmati keindahan malam yang dicipta khas oleh Tuhan. Aku terus lari bagaikan kilat untuk menutup tingkap bilikku. Hujan yang lebat serta angin yang kencang telah membasahi bahu serta lengan tanganku.

Disebabkan tingkap yang tidak disertai langsir, dapatlah aku menikmati suasana hujan di luar. Hatiku terhibur sekali lagi dengan titisan-titisan dan bunyi hujan. Dengan tidak kuduga di depan mataku wujud sesuatu yang aneh serta ganjil. Sesuatu bagaikan sehelai sutera putih berterbangan di depan mataku. Mulanya aku sangkakan mataku ini yang "berpenyakit", tetapi setelah beberapa kali kuteliti, rupa-rupanya sesuatu yang tidak kuingini telah wujud di depan mataku. Seorang gadis yang manis bertambah ayu berterbangan dengan kain sutera putih. Tanpa kufikir panjang lebar, aku menyedari itu adalah "hantu" semata-mata. Selepas itu, lembaga tersebut hilang dari pandanganku. Dengan perasaan yang seram sejuk, aku terus baringkan tubuhku atas katil di tepi meja tulisku.

Sehingga saat ini, aku tidak dapat melupakan pengalaman yang seram itu kerana ia merupakan sesuatu yang luar biasa bagiku. Tidak kuberitahu sesiapa, hanya kutanam di dalam hati kecil ku ini.

Tan Yong Tiong
4 Leo

HASRAT YANG TIDAK KESAMPAIAN

Sejak dari kecil lagi, telah terjalin satu talian persahabatan yang amat mesra di antara kau dan aku. Maklumlah, kita tinggal bersebelahan, main bersama, bersekolah bersama dan kadang-kala makan pun bersama. Hubungan kita bukan sekadar rakan rapat, jiran sebelahan tetapi boleh dikatakan seperti adik beradik.

Aku sentiasa melindungimu dari dibuli, sehinggakan aku sanggup dipukul, didenda oleh ibu atau guru di sekolah, hanya kerana kesalahan yang telah kau lakukan. Kau juga sentiasa membantuku dalam pelajaran. Sehingga hari ini, kita masih bersama sekolah bersama tetapi engkau telah berpindah jauh dari rumahku. Walaubagaimanapun, itu tidak menjejaskan hubungan kita, malah semakin hari semakin erat. Ini semua adalah kerana kejujuran yang ada pada kita berdua.

Entah mengapa, kebelakangan ini, fikiranku menjadi tidak tenteram apabila ketiadaanmu di sisiku. Aku bagaikan kehilangan sesuatu yang amat penting. Penting untuk ku terus hidup. Telah puas aku fikir, tetapi masih tidak mendapat jawapan yang memuaskan hatiku. Sehingga pada suatu malam, aku terdengar rancangan radio, "Luahan Hati", baru aku faham perasaanku pada masa itu.

Aku ingin bersemuka denganmu, meluahkan segala isi hatiku ini. Tetapi setiap kali bertemu denganmu, hatiku mula berdebar-debar. Aku menjadi kaku tidak dapat katakan apa sekalipun. Seminggu sudah berlalu, aku tidak dapat lagi menahan perasaanku ini lagi. Aku ingin memberitahu segala yang kupendamkan dalam hatiku selama ini.

Keesokan pagi, seperti biasa, aku menunggumu di pintu depan sekolah. Aku sungguh gembira kerana kehadiranmu itu.

"Selamat pagi", sapaku.

"Selamat pagi," kau membalas mesra.

"Ida, ada sesuatu yang inginku sampaikan padamu," aku cuba berterus-terang.

"Kenapa dengan kau hari ini, macam tak biasa aje dengan aku?"

"Aku....aku cinta padamu, Ida."

"Cinta? Adakah kau bergurau?" Ida terkejut dengan pengakuanku.

"Tidak, aku betul-betul sayangkan kau, Ida. Takkan kau tak memahami aku selama ini," aku semakin berani meluah kata.

"Man, ini bukan soal memahami. Selama ini, aku anggap kau sebagai abang aku, bukan sekadar abang, malah abang kandungku. Aku tidak sekalipun terfikir apa yang kau fikirkan itu," ujar Ida.

"Ida, kau fikir dahulu, aku rela menunggu, setahun, sepuluh tahun mahupun seratus tahun," balasku dengan tegas.

Mulai dari hari itu, hubungan kita menjadi renggang. Suatu pemisahan telah wujud antara kita. Hatiku pilu dengan apa yang berlaku sekarang. Hari demi hari, aku menunggu jawapan darimu. Susah sekali bagiku meniti hari-hari yang sedemikian.

Pada suatu pagi, aku tidak dapat menahan perasaanku lagi. Lalu aku mula bertegur denganmu.

"Ida, adakah kau telah membuat keputusan?" tanyaku.

"Aku.... aku...."

"Berterus-terang, Ida. Aku sanggup menerima segalanya". Aku mengharapkan jawapan daripadanya.

"Man, sekarang adalah masa untuk kita menimba ilmu pengetahuan. Aku rasa tidak baik jika kita memikirkan soal cinta buat masa ini. Lagipun, tahun depan, kita akan menduduki SPM. Biarlah ini semua berlalu, baru kita menentukan masa depan kita," kata Ida kepadaku.

Sebaik sahaja mendapatkan kepastian darimu, aku berasa sungguh malu, malu untuk berdepan denganmu. Aku ingin melarikan diri dari kenyataan ini. Malam itu, aku tidak dapat melelapkan mata. Aku asyik terfikirkan kata-katamu pagi tadi.

Dengan tidak kusedari, hari sudahpun pagi. Kedengaran ayam sedang berkokok. Aku terus pergi mandi dan menyiapkan diri untuk pergi ke sekolah. Pagi itu, aku tunggu di pintu depan sekolah. Aku tidak sabar untuk bertemu denganmu. Ketika aku termenung jauh, satu suara memanggilku.

"Man"." Aku terus mengangkat kepalaku. Aku sungguh girang kerana berdiri di depan mataku adalah engkau, Ida.

"Ida, betul cakap kau. Bermula dari hari ini, kita sama-sama menimba ilmu, sama-sama menempuh cabaran SPM". Aku mula menyedari kesilapanku.

"Baik, Man," kata Ida sambil tersenyum.

Dengan senyuman yang lebar, kita sama-sama melangkah masuk ke dalam sekolah untuk memulakan hari yang amat bererti ini.

Tan Yong Tiong
4 Leo

KISAH SEORANG GADIS

Aku adalah pelajar tingkatan tiga di salah sebuah Sekolah Menengah di Kuala Lumpur. Aku anak bongsu dalam keluargaku. Ayahku bekerja sebagai seorang ahli korporat yang disegani, manakala ibuku merupakan seorang pensyarah universiti di Kedah.

Sebagai seorang pengawas, aku disegani oleh rakan-rakan di sekolah. Aku juga aktif dengan pelbagai kegiatan-kegiatan kokurikulum di sekolah. Tetapi kini semuanya telah berakhir kerana ibuku baru sahaja meninggal dunia. Ketika ibuku meninggal dunia, aku berada di sekolah. Aku terasa amat terkejut apabila ayahku menyatakan bahawa ibuku telah terlibat di dalam satu kemalangan jalan raya dalam perjalanan pulang bagi meraikan hari jadiku. Sebaik sahaja menerima panggilan kecemasan, aku dan ayah bergegas ke hospital bagi melihat keadaan ibuku.

Setiba di sana, doktor mengatakan bahawa ibuku telah pun meninggal dunia. Aku begitu hiba apabila mendengar berita tentang kematian ibuku. Aku masih tidak dapat melupakan surat yang dihantarkan oleh ibu kepadaku sebelum ini. Suratnya mengatakan...

5hb April 1995,

Nina.....

Mama ingin meminta maaf kerana mama sudah lama tidak berutus surat pada Nina. Tetapi pada 7 April ini, mama akan pulang bagi meraikan hari jadi Nina yang ke 15.

Mama akan membawa sebungkus hadiah untuk Nina sempena hari jadi Nina nanti. Mama harap Nina akan menunggu kepulangan mama nanti. Sekian sahaja dari mama.

Salam sayang
serta peluk cium
dari mama.

Pada keesokan hari, jenazah ibu selamat dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam, Gombak. Pada petang itu, dua orang pegawai polis telah datang ke rumah dengan membawa sebungkus hadiah yang dibalut rapi. Pegawai polis itu mengatakan bahawa bungkusan hadiah itu telah dijumpai di dalam kereta ibuku. Setelah aku membuka bungkusan itu aku mendapati terdapat sehelai baju kurung yang sangat cantik. Aku tahu bungkusan itu merupakan hadiah yang ingin ibu beri kepadaku sempena harijadiku. Aku merasa terkilan di atas kematian ibuku. Sejak kejadian itu, ayahku sudah tidak mempedulikanku lagi. Sebulan selepas kematian ibu, ayah berkahwin lagi. Semenjak kedatangan ibu tiri aku sentiasa diberi kerja-kerja berat. Aku tidak diizinkan pergi ke sekolah lagi.

Akhirnya aku mengambil keputusan untuk lari dari rumah. Pada malam itu tanpa pengetahuan mereka aku keluar dari rumah. Aku pergi ke rumah kawan karibku untuk menumpang tidur di rumahnya beberapa hari. Aku menceritakan apa yang telah terjadi pada diriku kepada ibu kawan karibku itu. Dia sanggup menjaga aku dan menganggap aku sebagai anaknya sendiri, walaupun ada yang masih menyayangi diriku ini, tetapi bagiku kasih sayang seorang ibu tiada nilainya.

Kini aku mula bergaul dengan budak-budak liar yang tak sepatutnya aku kenali. Aku menjadi tumpuan ramai lelaki kerana kecantikan yang aku milik. Sekarang aku mula menghisap rokok. Disebabkan kekurangan wang, aku mula menjual maruah diri pada lelaki yang inginkan kepuasan. Aku melakukan semua itu kerana inginkan wang. Kini hidupku telah benar-benar rosak. Hinggalah tiba pada suatu hari aku telah ditangkap oleh pihak polis kerana menjual maruah diri. Aku telah dijatuhkan hukuman oleh mahkamah dengan dihantarkan ke sebuah Pusat Pemulihan Akhlak. Aku amat menyesal atas perbuatanku yang lalu, tetapi semuanya telah terlambat.

Setelah beberapa bulan aku berada di Pusat Pemulihan, aku pun dibebaskan. Aku pun pulang ke pangkuan bapa dan ibu tiriku. Mereka telah meminta maaf daripadaku di atas apa yang telah terjadi. Mereka berjanji untuk menjagaku dengan baik. Semenjak itu, keluargaku telah berubah menjadi satu keluarga yang bahagia. Aku pula telah memulakan hidup yang baru dengan penuh gembira. Kini aku mula bersekolah semula.

Aku berharap supaya remaja-remaja masa kini akan meneruskan hidupnya dengan sempurna. Bak kata pepatah terlajak perahu boleh diundur, terlajak perbuatan buruk padahnya.

Hak rekacipta terpelihara dari
3 adik-beradik 3 Setia 3
Azairi – Penulis & idea
Endy – idea
Shahrizat – idea

UDIN GILA

Udin Gila mengamuk! Suasana seisi kampung menjadi gempar. Penduduk kampung bertempiaran lari apabila melihat Udin Gila yang bengis itu. Di tangan kanannya terhunus sebilah keris. Tambah menggerunkan apabila Udin Gila menjerit memekik-mekik sambil melibas dan mengacah-acah kerisnya ke kiri dan ke kanan. Dia mengamuk di seluruh kampung itu seperti Hang Jebat lagaknya. "Pidun! Pidun!" jerit Udin Gila. "Siapa bunuh Pidun aku! Siapa bunuh Pidun aku!", jerit Udin Gila dengan marah.

Dengan perasaan yang geram, Udin Gila menuju ke rumah Tok Penghulu. "Kenapa Pidun dibunuh? Kenapa?," jerit Udin Gila. Setibanya dia tiba di halaman rumah Tok Penghulu. Orang kampung yang berada di rumah Tok Penghulu terperanjat melihat Udin Gila seolah-olah harimau hendak menerkam mangsa.

"Biar aku godok orang yang bunuh Pidun aku dengan keris ni!",jerit Udin Gila dengan marah. "Aku tak peduli! Apa salah Pidun? Korang semua aniaya dia, korang semua dengki kat aku! Biar aku bunuh siapa yang buat Pidun mati,".

Pak Samat mula mengeletar. Begitu juga Bidin, Karim dan Usop, memang merekalah yang membunuh Pidun.

